

BAB DUA

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.0 Pengenalan

Bab ini memberi pengetahuan asas yang berkaitan dengan kajian ini. Maklumat-maklumat daripada Bab Dua ini dapat menjawab persoalan yang timbul semasa para pembaca membaca kajian ini.

2.1 Bahasa Jerman

Bahasa Jerman merupakan nama sebuah bahasa yang telah mengalami pengeseran bunyi Jermanik kedua dan ia merupakan salah sebuah bahasa yang luas dituturkan di Eropah (Wikipedia Indonesia, 2006). Bahasa Jerman dinamakan *Deutsch* dalam Bahasa Jerman dan ia bukan sahaja merupakan salah sebuah bahasa yang paling luas dituturkan di Eropah, malah di seluruh dunia. Ini dapat dibuktikan oleh tinjauan yang dijalankan oleh Haarmann (2002) dan statistik yang dijalankan oleh Eurostat, pejabat statistik bagi komuniti Eropah (2004), di mana 2.1 % daripada populasi di dunia ini dan 24 % daripada populasi di Eropah menggunakan Bahasa Jerman.

Selain itu, Bahasa Jerman merupakan sebuah bahasa yang kedua terkenal di Eropah dan di negara Jepun selepas Bahasa Inggeris serta bahasa Jerman merupakan bahasa asing yang ketiga popular di seluruh dunia. Bahasa Jerman mendapat sambutan yang hangat di negara-negara seperti di negara Amerika, di mana Bahasa Jerman merupakan bahasa asing ketiga popular di kalangan rakyat Amerika, selepas bahasa Sepanyol dan bahasa Perancis. Selain Bahasa Inggeris, Bahasa Jerman merupakan sebuah bahasa yang paling dikenali oleh penduduk-penduduk Eropah dan Bahasa Jerman juga merupakan salah satu bahasa rasmi dalam Persatuan Eropah (European Union) serta salah satu daripada tiga bahasa pengantaraan bagi pekerja-pekerja (working language) dan jawatankuasa orang-orang Eropah (European

Commission). Menurut Global Reach (2004), 6.9 % populasi Internet merupakan orang Jerman dan 7.7% daripada halaman web ditulis dalam bahasa Jerman (Internet World Stats, 2006). Selain itu, statistik yang dijalankan oleh Pimienta (1998) dan Pastore (2000) menyatakan bahawa bahasa yang ketiga banyak digunakan oleh halaman web merupakan Bahasa Jerman, iaitu selepas Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun. Dan pada 23 Januari 2003, sebuah kajian telah dijalankan oleh halaman web <http://www.netz-tipp.de/sprachen.html> dan didapati Bahasa Jerman kini merupakan bahasa kedua banyak dan bukannya ketiga digunakan dalam halaman web. Ini dapat dibuktikan oleh dapatan daripada laman web <http://www.netz-tipp.de/sprachen.html> yang dipaparkan dalam jadual 2.1.

Jadual 2.1 Bahasa-bahasa Yang Digunakan Dalam Laman Web.

Bahasa	Peratus laman web
Bahasa Inggeris	56.4% (1142500000 laman web)
Bahasa Jerman	7.7% (156200000 laman web)
Bahasa Perancis	5.6%
Bahasa Jepun	4.9%
Bahasa Sepanyol	3.0%
Bahasa Cina	2.4%

2.1.1 Taburan Bahasa Jerman

Lebih kurang 100 juta penutur bertutur Bahasa Jerman di Eropah dan Bahasa Jerman mempunyai status bahasa kebangsaan rasmi tunggal atau bersama-sama dengan bahasa lain di negara di Eropah. Bahasa Jerman bukan sahaja dituturkan di negara Jerman sebagai bahasa rasmi tunggal, Bahasa Jerman turut dituturkan terutamanya di negara jiran seperti Austria, Liechtenstein, Luxembourg, Switzerland, Südtirol (Italy), daerah selatan Belgium dan di

sempadan negara Jerman dengan Denmark. Bahasa Jerman turut merupakan bahasa rasmi tunggal di Austria dan berkongsi status bahasa rasmi bersama-sama dengan bahasa lain di Switzerland, Belgium dan Luxembourg. Penduduk di Luxembourg dan kawasan di sekeliling Luxembourg bukan sahaja menguasai Bahasa Jerman baku, malah mereka berkeupayaan bertutur dialek Bahasa Jerman atau bahasa Jermanik yang lain. Walaupun Bahasa Perancis merupakan bahasa rasmi di Alsace dan Lorraine, Perancis, Bahasa Perancis tidak dapat menggantikan peranan dialek Bahasa Jerman yang dituturkan oleh penduduk di situ. Selain itu, terdapat kira-kira dua juta penutur-penutur di Eropah Timur, iaitu dari Soviet Rusia, Rumania, Hungry, Czechoslovakia, Poland dan Yugoslavia, yang menggunakan Bahasa Jerman sebagai bahasa Ibunda. Selain sebagai bahasa rasmi, Bahasa Jerman juga merupakan bahasa minoriti ethnik di luar Eropah. Dan terdapat kira-kira sembilan juta penutur Bahasa Jerman menganggap Bahasa Jerman sebagai bahasa ibunda mereka di negara-negara di luar Eropah seperti Amerika Syarikat, Brazil, Kanada, Argentina, Australia, Afrika Selatan, Chile dan Mexico.

2.1.2 Susur Galur Bahasa Jerman

Pelajar Bahasa Jerman mendapati bahawa Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris mempunyai banyak persamaan dan pada pendapat mereka dengan adanya penguasaan Bahasa Inggeris terlebih dahulu memudahkan pembelajaran Bahasa Jerman. Ini dapat dijelaskan dengan meninjau susur galur Bahasa Jerman. Sebenarnya Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris berasal daripada keluarga bahasa yang sama, iaitu keluarga bahasa Indo-Eropah, inilah menyebabkan terdapat persamaan antara kedua-dua bahasa ini. Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris dikategorikan dalam keluarga bahasa Jermanik Barat. Dengan itu, Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris mempunyai banyak persamaan berbanding dengan Bahasa Perancis atau Bahasa Sepanyol, walaupun Bahasa Perancis dan Bahasa Sepanyol turut berasal daripada subkeluarga Bahasa Jermanik. Ini adalah kerana Bahasa Sepanyol dan Bahasa Perancis


dikategorikan ke dalam bahasa Italik dan mereka merupakan bahasa-bahasa Roman. Akan tetapi, masih terdapat persamaan antara bahasa Jerman dan Sepanyol atau bahasa Perancis. Situasi ini dapat dibuktikan oleh contoh-contoh di bawah ini.

Jadual 2.2 Persamaan Antara Bahasa-Bahasa Jermanik Barat Dan Timur.

Bahasa Inggeris	Bahasa Belanda	Bahasa Jerman	Bahasa Perancis	Bahasa Sepanyol	Bahasa Portugis
father	vader	Vater	père	padré	pai
House	huis	Haus	maison	casa	casa

Dalam jadual 2.2 dapat dilihat dengan jelas bahawa persamaan antara Bahasa Inggeris, Bahasa Belanda dan Bahasa Jerman (High German) adalah lebih dekat jika dibandingkan dengan Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Portugis. Dan hubungan antara bahasa ini dapat difahami dengan lebih terperinci dalam gambarajah 2.1 , iaitu susur galur Bahasa Jerman:

Gambarajah 2.1 Pokok Susur Galur Bahasa-Bahasa Indo-Eropah.



Sumber: Daniel M. Short, 2007

Ciri-ciri persamaan antara bahasa-bahasa ini semakin kurang jika dibanding dengan dahulu kala. Ini adalah disebabkan oleh evolusi bahasa. Seperti yang diketahui oleh orang ramai, bahasa tidak statik dan ia akan berubah mengikut zaman supaya dapat menampung kemahuan pengguna-pengguna bahasa. Pada zaman sekarang, banyak dialek telah wujud akibat daripada insiden ini dan dialek ini digunakan dengan aktif oleh pengguna-pengguna bahasa dan lama-kelamaan bahasa ini akan menjadi sebuah bahasa yang baru .

2.1.3 Sejarah Bahasa Jerman

Sejarah Bahasa Jerman bermula dengan wujudnya perubahan bunyi kedua yang membezakan dialek Jermanik Selatan daripada dialek Jermanik Barat yang umum. Bukti terawal yang menandakan wujudnya Bahasa Jerman tinggi kuno ini dijumpai pada abad ke-6. Selain itu, ulasan mengenai sesuatu perkataan, iaitu Abrogaus buat pertama kalinya digunakan pada abad ke-8 dan teks yang tertua - *Hildebrandslied* dan *Muspilli* (The Lay of Hildebrand) telah dijumpai pada abad ke-9 (Bostock, K. 1976). Bahasa Jerman Selatan mengalami evolusi dan tahap evolusi bahasa Jerman Selatan ini dapat dibahagikan kepada empat tahap:

- (i) Jerman Selatan Lama yang meliputi inskripsi unik dari abad ke-6 dan teks bertulis dari abad ke-8 sehingga tahun 1050.
- (ii) Jerman Selatan Tengah dari tahun 1050-1350
- (iii) Jerman Selatan Baru Peringkat Awal dari tahun 1350-1650
- (iv) Jerman Selatan Baru

Kebanyakan teks-teks Bahasa Jerman Selatan Lama merupakan tulisan dan terjemahan kitab agama daripada Bahasa Latin yang dihasilkan di biara di bahagian Tengah dan Selatan Jerman. Perbezaan antara Jerman Selatan Lama dengan Bahasa Jerman purba adalah perubahan bunyi kedua, perubahan kata sandang tertentu daripada kata penentu penunjuk dan kemunculan bentuk pasif, kala kelak, kala sempurna dan kala lampau sempurna. Perubahan

dalam sintaksis dan morfologi telah menjadi asas kepada perubahan daripada Jerman Selatan Lama kepada Jerman Selatan Pertengahan. Penyair-penyair yang terkenal seperti Walter dari Vogelweide, Wolfram dari Eschenbach dan Gottfried dari Strassburg telah mempopularkan bahasa Jerman Selatan Pertengahan. Bahasa Jerman Selatan Pertengahan merupakan bahasa penyair agung Jerman pada akhir zaman pertengahan. Perbezaan besar dalam fonologi antara Bahasa Jerman Tinggi Lama dengan Bahasa Jerman Selatan Pertengahan ialah kehilangan separa vokal dan suku kata yang tidak diberi tekanan dan penyebaran bunyi umlaut-i. Selain perubahan dalam fonologi dan morfologi, Bahasa Jerman Selatan Pertengahan kekal sama seperti Bahasa Jerman Selatan Lama. Akan tetapi terdapat perubahan dalam sintaksis dan salah satu contoh yang menonjol adalah penggantian morfem kata nafi bahasa Jerman Selatan Lama *ne* oleh *nicht*. Kosa kata Bahasa Perancis yang digunakan oleh kerabat diraja diserap ke dalam Bahasa Jerman Selatan Pertengahan, misalnya *Abenteuer* (adventure/pengalaman yang berbahaya), *fein* (fine/halus), *Melodie* (melody/melodi) dan *Tanz* (dance/tarian). Bahasa Jerman mengalami beberapa perubahan penting dalam tatabahasa semasa zaman Bahasa Jerman Selatan Peringkat Awal. Misalnya terdapat empat perubahan, iaitu suku kata pendek terbuka; bunyi dalam Jerman Selatan Tengah [e] lenyap terus; diftong Bahasa Jerman Selatan Pertengahan /ie/, /üe/, /u/o menjadi diftong panjang /i:/, /ü:/, /u:/ dan vokal panjang tertutup bahasa Jerman Selatan Pertengahan /i:/, /ü:/, /u:/ didiftongkan kepada /ei/, /öu(eu)/, /ou/. Selain perubahan fonologi, perubahan morfologi turut berlaku. Terdapat banyak penstrukturran semula dalam morfologi contohnya, bentuk jamak kata nama berubah untuk menggantikan pengurangan vokal dalam suku kata yang tidak diberi tekanan. Selain itu, akhiran bentuk jamak *-er*, *-en* disebarluaskan dengan luas. Dalam sintaksis pula, ciri bahasa Jerman yang paling penting telah ditetapkan, iaitu pada masa Bahasa Jerman Selatan Baru Peringkat Awal, kedudukan kata kerja Bahasa Jerman moden ditetapkan. Setelah tamatnya zaman bahasa Zaman Selatan Baru Peringkat Awal, iaitu pada tahun 1650, satu zaman yang

baru telah bermula - zaman bahasa Jerman Moden. Norma-norma fonologi diusahakan dengan bersungguh-sungguh dalam zaman ini manakala morfologi dan sintaksis hanya mengalami pengubahsuaian yang sedikit sahaja.

Sehingga 1800, Bahasa Jerman yang wujud hanya dalam bentuk tulisan sahaja. Pada ketika ini, penduduk yang tinggal di utara negara Jerman bertutur dialek yang berbeza sekali daripada bentuk standard dan mereka mempelajari bahasa baku seperti mempelajari bahasa asing serta cuba sedaya upaya untuk menguasai sebutan baku. Walaupun bahasa baku telah wujud di negara Jerman, akan tetapi sebutan baku ini diartikulasikan dengan berbeza megikut daerah. Kamus yang pertama diterbitkan oleh adik beradik Grimm antara tahun 1852 dan 1860 dan ia masih menjadi panduan yang paling lengkap bagi leksikal-leksikal Bahasa Jerman. Pada tahun 1880 pula, hukum-hukum tatabahasa dan sistem tulisan wujud dalam *Duden Handbook* (Duden, K. 1880). Sistem ejaan Bahasa Jerman telah dibentuk semula pada tahun 1996 dan ia mengambil sepuluh tahun untuk menentukan bentuk-bentuk yang dapat diterima oleh semua pihak. Akan tetapi sistem ini masih tidak dapat dikatakan lengkap 100%. Walau bagaimanapun, sistem ejaan baru ini telah digunakan di sekolah pada tahun 2006 (Crystal, D. 1997)

2.1.4 Bahasa Jerman Standard

Perpecahan politik dan budaya di wilayah yang penduduknya bertutur Bahasa Jerman di Eropah menyebabkan kemunculan Bahasa Jerman standard dan kewujudan sebagai bahasa standard ini dikatakan lewat jika dibandingkan dengan kewujudan bahasa standard di negara England dan Perancis. Kelewatan ini disebabkan oleh ketiadaan sebuah pusat seperti di London atau Paris di mana pusat ini dapat mengistiharkan bahawa bahasa yang digunakan oleh pusat itu merupakan bahasa yang paling dominan. Oleh kerana sebuah pusat seperti itu tidak wujud pada ketika itu, setiap wilayah menggunakan bentuk Bahasa Jerman masing-masing. Dan situasi ini berlanjutan sekurang-kurangnya sehingga ke abad ke-16. Pada ketika

ini penduduk di selatan negara Jerman menggunakan bahasa kompromi (das *gemeine Deutsch*) manakala Bahasa Jerman Utara menikmati status yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan Bahasa Jerman yang digunakan di sebelah selatan. Bahasa Jerman Utara ini digunakan sebagai bahasa komersial bagi *Liga Hanseatik* serta sebagai *Lingua Franca* di seluruh Eropah Utara. Status yang unik ini dinikmati oleh bahasa Jerman Utara sehingga abad ke-17. Sebenarnya bahasa baku telah muncul pada awal abad ke-15 dan ke-16 serta dialek Bahasa Jerman yang mendasari bahasa baku ini adalah bahasa sebelah Jerman Tengah Timur. Bahasa Jerman Tengah Timur ini wujud sebagai hasil pertembungan penutur beberapa dialek akibat daripada berlakunya penghijrahan orang Jerman secara besar-besaran dalam zaman Pertengahan. Selain penghijrahan yang menyebabkan penduduk memerlukan sebuah bahasa pengantar yang dapat digunakan oleh semua penutur bagi tujuan komunikasi, faktor-faktor lain yang menyebabkan kewujudan bahasa baku ini adalah penciptaan unggul di dunia ini oleh *Johannes Gutenberg* pada tahun 1450. Dengan adanya mesin pencetak ini, membolehkan penerbitan dibuat secara besar-besaran dan hasil penerbitan yang paling berpengaruh adalah penterjemahan kitab Injil (the New Testament dan the Old Testament) oleh *Martin Luther* yang ditulis dalam Bahasa Jerman Tengah Timur pada tahun 1522 dan dilengkapkan oleh beliau pada tahun 1534. Faktor yang ketiga merupakan peranan Bahasa Jerman Tengah Timur dalam bidang undang-undang. Bahasa Jerman Tengah Timur ini digunakan dalam merekod undang-undang pada 1400 dan bukannya Bahasa Latin. Keadaan ini telah meningkatkan kedudukan Bahasa Jerman Tengah Timur masyarakat pada masa itu. Peningkatan perdagangan dan pembangunan kota raya yang pesat telah menarik penduduk dari daerah lain berhijrah dan untuk memajukan lagi kota raya dan meningkatkan lagi perdagangan di situ, penduduk terdesak untuk memiliki sebuah bahasa bersama. Inilah yang menyumbangkan kepada kewujudan Bahasa Jerman baku. Dengan adanya gabungan faktor-faktor ini, Bahasa Jerman baku telah muncul dan mula meresapi Austria dan Switzerland

dengan perlahan-lahan pada abad ke-17 dan ke-18. Walaupun Bahasa Jerman baku telah muncul sejak abad ke-15 dan ke-16, akan tetapi norma fonologi Bahasa Jerman hanya dapat ditetapkan pada abad ke-19 (Crystal, D. 1997).

2.1.5 Peranan Bahasa Jerman

Bahasa Jerman memainkan peranan yang agak penting bukan sahaja di Eropah, malah diseluruh dunia. Terdapat lebih ramai orang bertutur Bahasa Jerman sebagai bahasa ibunda mereka daripada bahasa lain yang terdapat di Eropah. Selain terdapat penduduk yang paling ramai di Eropah iaitu 85 juta, yang menyumbangkan kepada angka yang menjadikan Bahasa Jerman sebagai bahasa yang mempunyai penutur natif yang paling ramai. Bahasa Jerman juga merupakan bahasa rasmi di negara-negara seperti Austria, Switzerland, Luxembourg dan Liechtenstein. Selain itu, Bahasa Jerman merupakan bahasa ibunda bagi sesetengah kelompok penduduk yang tinggal di bahagian utara Italy, di bahagian timur Belgium, di Belanda, di Denmark, di bahagian timur Perancis, di sesetengah daerah Poland, Czech Republik, Rusia, Romania dan tempat-tempat lain di Eropah. Hanya dengan menguasai Bahasa Jerman, seseorang itu dapat berhubung dengan 120 juta orang di seluruh dunia ini. Ini adalah kerana selain penutur natif, ramai orang turut mempelajari Bahasa Jerman sebagai bahasa kedua mereka. Mereka yang bertutur Bahasa Jerman berasa bangga kerana Bahasa Jerman merupakan kuasa ekonomi yang ketiga besar di dunia ini dan kuasa ekonomi yang kuat di Persatuan Eropah. Pada tahun 2003, 2004, 2005 dan 2006, negara Jerman merupakan kuasa eksport terunggul di seluruh dunia. Dengan menguasai Bahasa Jerman, seseorang itu dapat meningkatkan peluang pekerjaan. Ini adalah kerana firma-firma gergasi seperti *BMW*, *Daimler-Chrysler*, *Siemens*, *Lufthansa*, *Bosch* dan lain-lain lagi memerlukan rakan antarabangsa. Oleh itu, mereka yang boleh bertutur Bahasa Jerman lebih senang mencari pekerjaan berbanding dengan mereka yang tidak memiliki syarat yang istimewa ini.

Contohnya penduduk di negara Jepun yang merupakan kuasa ekonomi yang kedua kuat di dunia ini sedar akan kepentingan Bahasa Jerman ini dan terdapat 68% daripada pelajar Jepun mempelajari Bahasa Jerman. Selain di negara Jepun, firma-firma Jerman di Amerika Syarikat menawarkan 700,000 peluang pekerjaan kepada mereka yang berpengetahuan bahasa Jerman. Orang Jerman merupakan peneraju teknologi baru dan moden. Ini memang tidak dapat dinafikan bahawa orang Jerman merupakan pencipta. Antara penciptaan orang Jerman yang penting: mesin cetak oleh *Gutenberg*, MP3 oleh *Brandenberg*, perjumpaan arus eletromagnetik oleh *Hertz*, *chemotherapy* oleh *Ehrlich*, teori relativiti oleh *Einstein* dan sebagainya. Selain itu, empat daripada sepuluh syarikat yang paling inovasi di dunia ini terletak di negara Jerman dan ia diiktirafkan sebagai kedudukan ketiga di dunia ini. Oleh kerana sumbangan negara Jerman dalam bidang ini, dua per tiga daripada pameran perdagangan antarabangsa dianjurkan di negara Jerman, misalnya *CeBIT*, iaitu *trade fair* yang paling besar bagi teknologi komunikasi dan informasi dan *IFA*, iaitu *trade fair* pengguna elektronik. Status Bahasa Jerman di dunia ini dapat digambarkan oleh penerbitan buku di negara Jerman dan setiap satu daripada sepuluh buku di dunia ini diterbitkan dalam Bahasa Jerman. Penulis Jerman menghasilkan hampir 80000 buku baru setiap tahun. Ini dapat bersaing dengan pasaran Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Penutur yang ingin mendapat pengetahuan, mereka perlu menguasai Bahasa Jerman terlebih dahulu. Ini adalah kerana hanya sebilangan kecil buku Bahasa Jerman diterjemahkan. Misalnya lebih kurang sepuluh peratus ke dalam Bahasa Korea, Bahasa Cina dan hanya lima peratus ke dalam Bahasa Inggeris. Hanya dengan menguasai Bahasa Jerman mereka dapat menerajui pengetahuan yang mereka perlukan. Untuk mengenali dengan lebih dekat lagi tokoh yang terkenal di dunia seperti daripada bidang kesusastraan, musik, filosofi, sains, arkitek adalah wajar untuk menguasai Bahasa Jerman. Tambahan pula tokoh ini menikmati status yang dimimpikan oleh orang ramai. Mereka ini merupakan penerima anugerah Nobel.

2.1.6 Bahasa Jerman kognat dengan Bahasa Inggeris.

Banyak perkataan Bahasa Jerman kognat dengan perkataan Bahasa Inggeris kerana Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris berasal daripada rumpun keluarga bahasa yang sama, dengan itu terdapat banyak persamaan antara dua bahasa ini. Contohnya dalam jadual 2.3:

Jadual 2.3 Leksis Jerman Yang Kognat Dengan Leksis Inggeris.

Bahasa Jerman	Makna	Kognat Bahasa Inggeris
Mann	man (lelaki)	man
Milch	milk (susu)	milk
Schiff	ship (kapal)	ship
schwimmen	to swim (berenang)	to swim
Finger	finger (jari)	finger
Bett	bed (katil)	bed
Fisch	fish (ikan)	fish
Haus	house (rumah)	house
Wasser	water (air)	water
singen	to sing (menyanyi)	to sing

Selain persamaan dalam perkataan tunggal, terdapat juga kognat antara Bahasa Jerman dengan Bahasa Inggeris dalam perkataan majmuk. Akan tetapi terdapat sedikit perbezaan dari segi konsonan. Ini adalah kerana perubahan bunyi kedua yang berlaku dan perubahan bunyi kedua ini dipaparkan dalam jadual 2.4:

Jadual 2.4 Kognat Kata Majmuk

Bahasa Jerman	Kognat Bahasa Inggeris	Makna
Fingernagel	finger+nail	fingernail (kuku jari)
Hochland	high+land	highland (kawasan pergunungan)
Ringfinger	ring+finger	ringfinger (jari manis)
Schneemann	snow+man	snowman (patung salji)
Schwerfisch	sword+fish	swordfish (ikan todak)
Vollmond	full+moon	fullmoon (bulan penuh)
Vorsicht	fore+sight	foresight (pandangan jauh)
Wasserfall	water+fall	waterfall (air terjun)

Bahasa itu tidak statik dan ia mengalami perubahan kerana evolusi bahasa berlaku. Dengan itu terdapat perubahan makna, walaupun terdapat kognat antara Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris. Misalnya kognat-kognat yang ditunjuk dalam jadual 2.5.

Jadual 2.5 Kognat Antara Bahasa Inggeris Dan Bahasa Jerman

Bahasa Jerman	Makna	Kognat bahasa Inggeris
Gift	poison (racun)	gift
Vieh	cattle (lembu ternakan)	fee
fahren	to drive (memandu)	to fare

Leksis Bahasa Jerman **Gift** kognat dengan Bahasa Inggeris **gift**. Akan tetapi makna bagi **Gift** dalam Bahasa Jerman adalah racun manakala dalam Bahasa Inggeris adalah hadiah. Jika ditinjau balik makna asal leksis **Gift**, didapati makna sebagai hadiah masih dapat dilihat

dalam leksis ***Mitgift*** yang mendukung makna ***dowry***, iaitu hantaran dalam Bahasa Melayu. Di sini ***gift*** yang dimaksudkan membawa makna hadiah dan bukannya racun. Leksis Bahasa Jerman ***Vieh*** kognat dengan bahasa Inggeris ***fee***. Akan tetapi makna bagi ***Vieh*** dalam Bahasa Jerman adalah lembu manakala dalam Bahasa Inggeris adalah yuran, bayaran atau upah. Jika ditinjau balik makna asal leksis ***Vieh***, leksis ini berasal daripada Bahasa Inggeris kuno ***feoh*** yang mendukung makna wang, harta benda dan lembu. Walaupun terdapat kognat antara leksis Jerman dan Inggeris, makna leksis Jerman menjadi lebih spesifik, iaitu hanya membawa maksud lembu sahaja. Sementara itu, leksis Bahasa Jerman ***fahren*** kognat dengan leksis Inggeris ***to fare*** yang bermakna berjalan-jalan dan ia berasal daripada Bahasa Inggeris kuno ***faran*** yang mendukung makna ***to journey, to make one's way***. Makna ***fahren*** pula bermaksud ***to drive***. Walaupun kedua-dua leksis ini merupakan kognat, akan tetapi maknanya terdapat sedikit perubahan (Wikipedia, 2008).

2.1.7 Pinjaman

Kedua-dua Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris berkongsi kata pinjaman daripada bahasa-bahasa yang lain terutamanya Bahasa Latin, Bahasa Perancis, Bahasa Yunani dan kebanyakannya daripada perkataan ini mempunyai makna yang sama dan hanya terdapat segelintir daripadanya mempunyai perbezaan yang halus. Oleh kerana perkataan ini dipinjam oleh sejumlah bahasa di dunia ini dan bukan hanya dipinjam oleh Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman, perkataan ini dinamakan *Internationalismus* dalam linguistik Jerman seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.6:

Jadual 2.6 Leksis-Leksis *Internasionalismus*

Bahasa Jerman	Makna	Asal usul
Arrangement	arrangement (sususan)	Bahasa Perancis
Chance	opportunity (peluang)	Bahasa Perancis
Partei	political party (parti politik)	Bahasa Perancis
Position	position (kedudukan)	Bahasa Latin
positiv	positive (positif)	Bahasa Latin
Psychologie	psychology (psikologi)	Bahasa Yunani
Religion	religion (agama)	Bahasa Latin
Restaurant	restaurant (restoran)	Bahasa Perancis
Zigarre	cigar (cerut)	Bahasa Perancis
Zucker	sugar (gula)	Bahasa Sanskrit (melalui Bahasa Arab)

Dalam Bahasa Inggeris, terdapat banyak perkataan yang dipinjam daripada Bahasa Jerman secara bulat-bulat, ini adalah kerana ahli linguist tidak dapat mencari perkataan yang mempunyai persamaan yang seratus peratus. Contoh leksis-leksis yang dipinjam oleh Bahasa Inggeris dipaparkan dalam jadual 2.7:

Jadual 2.7 Leksis-leksis Yang Dipinjam Oleh Bahasa Inggeris

Leksis Jerman	Kognat bahasa Inggeris	Makna leksis Jerman
Angst	angst	fear/angst (ketakutan)
Anschluss	anschluss	connection/access

		(sambungan)
Automat	automat	automation/machine/automat (automasi/mesin)
Blitz	blitz	flash/ lightning (kilat)
Gesundheit	Gesundheit! (Ameika)	bless you! (semoga tuhan memberkati mu!)
Kindergarten	kindergarten	playschool (tadika)
Kraut	kraut	cabbage (kubis)
Rucksack	rucksack	backpack (beg galas)
Zeitgeist	zeitgeist	the trend at that time (trend ketika itu)
Gedankenexperiment	Gedankenexperiment	Thought experiment (melalui pengalaman)

2.2 Bahasa Inggeris

Setiap bahasa di dunia ini mengalami proses evolusi. Kadar evolusi sesebuah bahasa dan daya fleksibelnya menentukan status sesebuah bahasa. Status Bahasa Inggeris di arena dunia ini memang tidak dinafikan. Pemangkin utama yang menjadikan Bahasa Inggeris dikurniakan statusnya sebagai lingua franca atau bahasa global adalah sifat dalamannya, di mana kadar evolusinya adalah lebih cepat jika dibanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini seperti yang diutarakan oleh Sheehan, A dalam Forum Pengajaran Bahasa Inggeris pada tahun 2004 yang berbunyi:

**FOR CENTURIES, LANGUAGES HAVE BEEN CHANGING,
AND ENGLISH IS NO EXCEPTION. ...In fact, English is
changing faster than most languages.**


(Sheehan, A. 2004)

Selain faktor ini, faktor lain turut menyumbang kepada kewujudan Bahasa Inggeris sebagai lingua franca dan bahasa global di dunia ini. Kini Bahasa Inggeris ditutur di hampir seluruh pelusuk dunia dan mempunyai lebih kurang 1.8 bilion penutur dan kira-kira 400 juta daripada jumlah ini terdiri daripada mereka yang menuturkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda. Akan tetapi hanya terdapat kira-kira lima hingga tujuh penutur yang menggunakan Bahasa Inggeris dalam zaman Shakespeare sahaja dan kebanyakan penutur ini tinggal di Britian (Schilz, G. 2004). Orang ramai menganggap bahawa Bahasa Inggeris berasal dari England dan merupakan bahasa di Britian. Ini merupakan anggapan yang tidak betul. Sebenarnya Bahasa Inggeris bukan lahir di England tetapi dari tempat lain oleh golongan penghijrah (Brutt-Griffler, J. 2002). Bahasa Inggeris merupakan sebuah bahasa yang digolongkan dalam rumpun bahasa Indo-Eropah dan sama seperti Bahasa Jerman, Bahasa Inggeris berada di dalam kumpulan bahasa yang sama dengan Bahasa Jerman dan Bahasa Belanda, iaitu kumpulan bahasa Jermanik Barat. Bahasa Inggeris merupakan bahasa ibunda bagi kebanyakan penutur di negara-negara seperti Australia, Kanada, Karibbean Komanwel, Irland, New Zealand, Britian dan Amerika Syarikat. Crystal (1997) menganggarkan 377 juta orang yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama mereka dalam dunia ini. Selain sebagai bahasa ibunda di negara-negara tersebut, Bahasa Inggeris turut dituturkan sebagai bahasa kedua dan sebagai bahasa rasmi di kebanyakan negara di dunia ini, terutamanya di negara-negara Komanwel dan organisasi antarabangsa. Selain peranan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda, bahasa kedua dan bahasa rasmi, Bahasa Inggeris moden merupakan lingua franca global (The Economist, 2001). Tambahan pula Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang dominan dalam dunia komunikasi, sains, ekonomi & perdagangan, penerbangan, hiburan, radio dan diplomasi (The Economist, 2001). Kenyataan ini turut disokong oleh sebuah projek yang dilaksanakan oleh *British Council*, iaitu *The Future Of English?*, di mana mereka membuat kesimpulan tentang peranan bahasa Inggeris:

World-wide, there are over 1400 million people living in countries where English has official status. One out of five of the world's population speak English to some level of competence. Demand from the other four fifths is increasing. ...By the year 2000 it is estimated that over one billion people will be learning English. English is the main language of books, newspapers, airports and air-traffic control, international business and academic conferences, science technology, diplomacy, sport, international competitions pop music and advertising. (The Future Of English, 2000 pg. 2)

Di negara Eropah pula, Bahasa Inggeris merupakan sebuah bahasa yang paling popular (34%) seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah 2.2, selain bahasa ibunda penduduk-penduduk di Eropah (Eurobarometer, 2005).

Gambarajah 2.2 Bahasa Yang Paling Biasa Digunakan Di Persatuan Eropah.



Sumber: Eurobarometer, 2005

Sebuah kajian telah dijalankan oleh *European Bureau of Lesser Used Languages* menunjukkan sebanyak 42% orang-orang Eropah berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, 31% dalam Bahasa Jerman dan 29% dalam Bahasa Perancis (Crystal, 1997). Kenyataan ini

diperkuuhkah oleh kajian yang dijalankan ke atas penonton-penonton TV oleh European Satellite untuk mengkaji pemahaman ke atas berita dalam Bahasa Inggeris, di mana 70% daripada penonton mengatakan bahawa mereka boleh memahami berita dalam Bahasa Inggeris (Sysfret, 1997). Kekuahan Bahasa Inggeris ini turut ini disokong oleh Graddol, D. (1996) di mana beliau mengutarakan pendapatnya mengenai Bahasa Inggeris ini. Menurut beliau bahasa Inggeris merupakan kriteria asas untuk terus berdiri di dunia ini. Ini adalah kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa kepada pendidikan, sukan, komunikasi, pelancongan, internet, perdagangan, undang-undang antarabangsa, hubungan luar negara dan budaya popular seperti filem, musik dan hiburan.

Pengetahuan yang minima bagi Bahasa Inggeris amat diperlukan dalam bidang tertentu terutamanya dalam dunia profesional dan pekerjaan. Ini adalah disebabkan bahawa pengetahuan Bahasa Inggeris merupakan salah satu kriteria yang utama dan penting dalam dunia pekerjaan dan Crystal (1997) mengganggarkan sebanyak 99% daripada organisasi-organisasi antarabangsa mengatakan bahawa mereka menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar semasa bekerja. Selain itu, Bahasa Inggeris merupakan salah satu daripada enam bahasa rasmi bagi Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations). Justeru itu, terdapat lebih satu bilion penutur bertutur bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris merupakan sebuah bahasa yang istimewa. Ini adalah disebabkan Bahasa Inggeris merupakan hanya satu satunya bahasa yang menpunyai jumlah penutur bukan natif lebih daripada penutur natif. Nisbah penutur bukan natif kepada penutur natif adalah tiga nisbah satu (Crystal, D. 2003). Selain itu, Bahasa Inggeris dikatakan sebuah bahasa yang istimewa kerana keunikannya, iaitu Bahasa Inggeris disebarluaskan dengan meluas bukan sebagai sebuah produk yang siap malah sebagai sebuah bahasa yang membangun berterusan (Brutt-Griffler, J. 2002). Menurut Prof. David Crystal, terdapat 350 juta pengguna Bahasa Inggeris di Asia dan jumlah ini adalah sama dengan populasi Amerika Syarikat, Britain dan Kanada. Angka ini menunjukkan Bahasa Inggeris

memang tersebar dengan luas dan tidak hairan atau dapat dipertikaikan bahawa Bahasa Inggeris ini dianugerahkan dengan status lingua franca dan Crystal (1997) menganggarkan bahawa jumlah pengguna Bahasa Inggeris telah mencapai dua bilion. Phillipson (2000) meramalkan Bahasa Inggeris akan menjadi sebuah bahasa dunia suatu hari nanti. Oleh kerana kepentingan Bahasa Inggeris di arena antarabangsa, semakin ramai orang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

2.2.1 Sejarah Bahasa Inggeris

Penghuni-penghuni asal pulau British tidak bertutur Bahasa Inggeris. Mereka bertutur Bahasa Celtic. Bahasa Inggeris yang merupakan lingua franca dunia kini sebenarnya berasal daripada puak-puak Jermanik seperti Jutes, Saxons dan Angles yang berhijrah ke England pada tahun ke 5 masihi dan tahun ke 6 masihi. Puak-puak Jutes, Saxons dan Angles ini mendirikan negara mereka masing masing di kepulauan British, iaitu West Saxons, South Saxons, East Saxons dan East Angles dan sejak ketika itu, bahasa yang digunakan oleh mereka mula berkembang dan disebarluaskan. Puak Angles yang bertutur Bahasa English yang dikenali sebagai Bahasa Inggeris Kuno (Old English). Bahasa Inggeris Kuno ini turut dinamakan sebagai Anglo-Saxon. Bentuk tulisan bahasa Inggeris kuno berasal daripada rahib yang bertutur Bahasa Latin, iaitu menggunakan abjad-abjad Roman dan huruf-huruf baru telah diperkenalkan, iaitu /æ/, /ð/ dan / þ/ – dibunyikan sebagai [ash], [eth] dan [thorn]. Hampir separuh daripada perbendaharaan kata Bahasa Inggeris moden ini berasal daripada Bahasa Inggeris Kuno. Setelah kedatangan Viking, Danelaw telah diperkenalkan oleh puak Viking, di mana tatabahasa tertentu telah dihakiskan dan perbendaharaan kata yang baru telah diperkenalkan. Perbendaharaan kata terus berkembang dalam tempoh 1066 sehingga ke 1485, di mana istilah-istilah untuk undang-undang dan politik banyak diambil daripada

Bahasa Perancis serta istilah-istilah yang merujuk kepada benda-benda atau idea-idea abstrak telah diperkenalkan. Penciptaan cetakan oleh Gutenberg pada 1458 membolehkan Bahasa Inggeris pada zaman tersebut diseragamkan. Pada 1485 dan 1603 perbendaharaan kata berkembang dengan pesat sekali. Banyak leksis-leksis dipinjam daripada Bahasa Yunani dan Bahasa Latin serta pembentukkan leksis-leksis baru apabila pertembungan manusia atau bahasa berlaku. Pada 1582 Richard Mulcaster telah menerbitkan sejumlah 7000 leksis-leksis dengan bentuk ejaan sekali. Malangnya usaha Richard adalah sia-sia sahaja. Pada abad ke-18 ejaan Bahasa Inggeris telah distandardisasikan dan direkod dalam *Johnson's Dictionary of the English Language* pada tahun 1755. Dan tatabahasa Bahasa Inggeris turut diseragamkan pada abad ini, di mana Robert Lowth dan Lindley Murray telah menerbitkan buku tatabahasa Bahasa Inggeris, yakni *Robert Lowth's Short Introduction to English Grammar* pada 1762 dan *Lindley Murray's English Grammar* pada 1794. Pada abad ke-19 pula Bahasa Inggeris banyak menerima leksis-leksis pinjaman daripada bahasa-bahasa lain di dunia ini. Dua peristiwa yang hebat telah mengambil tempat, iaitu Noah Webster telah menerbitkan *American Dictionary of the English Language* pada 1828 dan James Murray telah mula mengumpul dan menyusun *The New English Dictionary* pada tahun 1879. Bahasa Inggeris pada abad ke 20 sampai hari ini menikmati status bahasa global kerana Bahasa Inggeris dituturkan oleh bukan sahaja mereka yang berkuasa malah mereka yang tidak berkuasa (Wikipedia, 2008).

2.2.2 Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Global

Bahasa Inggeris sering dirujuk sebagai bahasa global atau lingua franca kerana Bahasa Inggeris ini dituturkan diseluruh pelusuk dunia dalam era moden ini (Graddol, D. 1997).

Bahasa Inggeris bukan sahaja berperanan sebagai bahasa rasmi di kebanyakan negara di dunia ini, bahasa Inggeris turut merupakan sebuah bahasa yang paling kerap diajar sebagai bahasa kedua di dunia ini. Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting dalam arena antarabangsa, di mana Bahasa Inggeris merupakan bahasa rasmi bagi komunikasi maritim dan udara. Selain itu, Bahasa Inggeris juga merupakan salah satu bahasa rasmi dalam Persatuan Eropah (European Union), Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation), organisasi-organisasi olahraga antarabangsa, termasuk Kommittee Olympik antarabangsa. Bahasa Inggeris merupakan sebuah bahasa yang mempunyai paling ramai penutur (89%) yang mempelajarinya sebagai bahasa asing dalam Persatuan Eropah (European Commision, 2007). Pengguna-pengguna Bahasa Inggeris di negara-negara yang bahasa ibundanya bukan Bahasa Inggeris, misalnya negara Belanda (87%), Sweden (85%), Denmark (83%), Luxembourg (66%), Finland (60%), Slovenia(56%), Austria (53%), Belgium (52%) dan Jerman (52%) mengatakan bahawa mereka berkeupayaan bertutur dalam Bahasa Inggeris (Wikipedia, 2008). Buku-buku, majalah-majalah dan surat khabar banyak diterbitkan dalam Bahasa Inggeris di dunia ini dan merupakan bahasa yang paling kerap digunakan dalam bidang sains. Ini dapat dibuktikan oleh Science Citation Index pada tahun 1997, di mana 95% daripada journal ditulis dalam Bahasa Inggeris sedangkan separuh daripada penulis bukan datang daripada negara-negara yang bertutur Bahasa Inggeris (Graddol, D. 1997).

2.3 Denglisch

Bahasa Jerman kini sedang berubah. Ini menunjukkan bahawa Bahasa Jerman ini tidak statik malah hidup seperti bahasa-bahasa lain dalam dunia ini. Sesebuah bahasa itu akan berubah apabila pertembungan bahasa berlaku. Pada tahun 1998 penghibur Amerika, Gaylee Tufts telah mencipta perbendahara kata yang baru semasa lawatannya *Absolutely Unterwegs* dan perkataan ini merupakan *Dinglish (Denglisch)*. Menurut Tufts, *Dinglisch* merupakan sebuah bahasa yang menarik dan istimewa. *Dinglisch* merupakan sebuah bahasa yang terdiri

dari pada Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman serta ia digunakan oleh kebanyakan orang Amerika ketika berada di negara Jerman untuk sepuluh atau lima belas tahun. Tufts sendiri turut menggunakan *Dinglisch* semasa mengeluarkan pendapatnya berhubung dengan *Dinglisch* ini.

Dinglisch is eine ganz besondere Sprache, it's halvest Deutsch halvest English and basically what most Americans speaks for the first zehn bis fünfzehn Jahre that we live here in Deutschland.

(Zulla, H. 2002)

Persoalan sekarang adalah adakah perubahan ini mendatangkan manfaat kepada para pengguna bahasa atau sebaliknya? Berhubung dengan fenomena ini, pandangan setiap orang adalah berbeza. Ada pihak yang menyokong dan ada pihak yang membantah seperti yang diutarakan oleh Bernstein (2004), di mana beliau mengatakan bahawa *Denglisch* sedang merebak di tanah air sasterawan-sasterawan agung Jerman, seperti *Goethe*, *Schiller* dan *Thomas Mann*. Ada pihak yang melihat keadaan ini sebagai sesuatu yang menghiburkan, ada pihak pula melihatnya sebagai sebuah kejadian yang menyedihkan. Leffers(2004) mengatakan bahawa orang dari Amerika dan England mengetawakan fenomena *Denglisch* yang mengambil tempat di negara Jerman. Ada pihak yang berpendapat, perubahan sebegini adalah satu fenomena yang biasa berlaku ke atas sesuatu bahasa dan ia menambah kekayaan bahasa tersebut seperti yang diutarakan oleh Ustinov dalam majalah *Deutschland*,

The diversity of a languages adds colour to life. Insisting on purity of language is as futile as trying to halt the progress of the seasons. Impurity is a natural state, and the air is full of linguistic pollen. The same applies to other influences...

(Ustinov, Disember 2003 & Januari 2004; p.g 43)

Dan pakar ahli linguist Crystal berpendapat bahawa trend sebegini bukan sesuatu yang buruk malah ia menambahkan kekayaan sesebuah bahasa dan melicinkan komunikasi. Selain itu, beliau memberitahu AFP news:

The world needs a lingua franca the more international communication gets and English is the frontrunner at the moment.

(<http://dw-world.de>, 2004)

Seorang professor daripada Universiti Dortmund, Professor Walter Krämer berpendapat bahawa kewujudan *Denglisch* mengambarkan kehilangan ketulenan Bahasa Inggeris dan bukannya Bahasa Jerman sendiri. Selain itu, beliau turut mengatakan bahawa Bahasa Inggeris merupakan sebuah bahasa yang mudah dipelajari dan faktor yang lebih penting yang menyebabkan orang Jerman mlarikan diri daripada bahasa mereka sendiri adalah mereka memerlukan ungkapan *Denglisch* yang dapat menyempurnakan kekurangan yang terdapat dalam bahasa mereka sendiri, iaitu bahasa Jerman. Selain itu, orang Jerman merasa malu akan sejarah mereka. Dengan itu, mereka memilih sebuah bahasa yang dihargai oleh orang ramai dan disukai oleh orang-orang di dunia ini (Zella, H. 2002). Manakala sesetengah pihak pula membantah habis-habisan berkenaan dengan perubahan ini kerana ia merupakan pencemaran bahasa yang akan menghakiskan keaslian sesuatu bahasa dan seterusnya memudarkan identiti sesuatu bangsa. Menurut Mosebach (2004) dalam artikelnya yang berjudul *The Appeal of German (I)*, Bahasa Jerman merupakan sebuah produk yang dihasilkan oleh para sarjana, ahli filosofi dan peguam. Ia bukan bahasa lisan tetapi bahasa tulisan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Bahasa Jerman telah dijaga dan dipelihara dengan begitu baik sejak dulu lagi dan ini jelas kelihatan jika kita meninjau balik sejarah kesusasteraan Bahasa Jerman dan sejarah politik Jerman, misalnya pada zaman Nazi, di mana banyak perbendaharaan kata telah dicipta untuk mengurangkan pinjaman daripada bahasa Latin dan bahasa-bahasa lain. Langkah ini adalah untuk mempertahankan ketulenan Bahasa Jerman yang bebas daripada pengaruh bahasa lain (Bernstein, R. 2004). Akan tetapi, bahasa yang begitu indah adalah tidak praktikal dan ia tidak digunakan dalam komunikasi seharian penutur natif Bahasa Jerman. Ini menimbulkan masalah kepada pihak yang belajar Bahasa

Jerman sebagai bahasa asing kerana apa yang dipelajari tidak dapat diaplikasikan semasa berkomunikasi dengan penutur natif. Dengan itu, untuk membolehkan Bahasa Jerman menepati fungsi bahasa sebagai medium komunikasi, Bahasa Jerman mengalami perubahan! Perubahan-perubahan sebegini berjaya membenarkan Bahasa Jerman melaksanakan fungsinya dan memperkayakan perbendaharaan kata Bahasa Jerman.

2.3.1 Pengaruh Bahasa Inggeris terhadap Bahasa Jerman

Akhir-akhir ini Bahasa Jerman banyak menerima leksis Bahasa Inggeris sama ada secara bulat -bulat atau separa membentuk sebuah bahasa hibrid yang diberi nama *Denglisch* dan Burghardt (2005) mengeluarkan pendapat beliau dalam majalah remaja *das Jugendmagazin von Jugendlichen*. Beliau menyatakan bahawa pada zaman sekarang Bahasa Inggeris mempunyai pengaruh yang kuat ke atas Bahasa Jerman.

Englisch hat momentan einen großen Einfluss in die deutsche Sprache. (English is currently undergoing a big influence in the German language.) (Burghardt, 2005)

Kenyataan di atas turut disokong oleh Nocht (2008) bagi pihak Universiti Hannover yang menjalankan kajian ke atas frasa yang digunakan dalam iklan di negara Jerman. Dapatannya mengambarkan bahawa pengaruh Bahasa Inggeris ke atas Bahasa Jerman semakin serius. Terdapat sebanyak 3 % pada tahun 80-an, 18% pada tahun 90-an dan 30% pada tahun 2000 leksis-leksis daripada Bahasa Inggeris digunakan dalam pengiklanan. Tetapi mengapa seharusnya Bahasa Inggeris? Ini adalah kerana:

- i. Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman berasal daripada subkeluarga bahasa yang sama, iaitu Jermanik Barat. Justeru itu, terdapat banyak persamaan antara kedua-dua bahasa ini dan ini memudahkan peminjaman antara satu

sama lain berlaku (Cahill, L.J. & Gazdar, G. 1997). Sebanyak 60% leksis-leksis Bahasa Inggeris didapati terdapat persamaan dengan Bahasa Jerman.

- ii. Bahasa Inggeris merupakan sebuah bahasa yang mudah dipelajari (user-friendly). Menurut Helmchen, J. (2001) yang merupakan orang Amerika tetapi kini tinggal di negara Jerman, adalah lebih senang untuk mempelajari Bahasa Inggeris daripada Bahasa Jerman dan penulis yang popular Mark Twain turut menyatakan bahawa seseorang itu memerlukan 30 jam untuk mempelajari bahasa Inggeris, 30 hari untuk mempelajari Bahasa Perancis dan 30 tahun untuk Bahasa Jerman (Stephens, B. 2001).
- iii. Para penutur Bahasa Jerman tidak ingin diasingkan/ dipulaukan oleh dunia luar; ingin menunjukkan sifat terbuka *open* mereka menerusi tindakan kesediaan/ kerelaan mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing; tidak ada sebab musabab untuk menentang/ menghalang pengaliran masuk leksis-leksis daripada Bahasa Inggeris diasosiasikan dengan fesyen Amerika dan stail hidup yang bebas Amerika (Rash, F. 1996).
- iv. Bahasa Inggeris kedengaran lebih sedap jika dibanding dengan Bahasa Jerman; leksis-leksis Bahasa Inggeris dikatakan pendek, menarik, mudah diingat, memadai, tepat untuk tujuan pengiklanan jika dibanding dengan Bahasa Jerman yang dikatakan terlalu rumit, panjang dan susah disebut untuk mengekspresikan idea-idea moden, walaupun terdapat cara pembentukan kata mereka sendiri. Hildendorf (1996) ada mengemukakan pendapatnya yang sama, iaitu leksis Bahasa Inggeris didapati lebih pendek

dan tepat, sebagai contoh, *sexappeal-geschlechtliche Anziehungskraft*.

Contoh lain, terdapat poster di station *subway* yang memaparkan perkataan

Tattoos and Piercing. Perkataan ini berasal daripada Bahasa Inggeris.

Perkataan yang berasal daripada Bahasa Inggeris digunakan dan bukannya

Bahasa Jerman **Tätowierung & Hautstechen** kerana ciri Bahasa Jerman

sendiri yang poli sukukata. Dan perkataan-perkataan *sorry* dan *happy*

birthday digunakan dengan meluas jika dibandingkan dengan perkataan

Jerman **Entschuldigung** dan **Herzlichen Glückwunsch zum Geburtstag**

(Newman, S. & Bernstein, R. 2007).

- v. Gaji pekerja di Jerman yang mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris didapati 25%-35% lebih tinggi daripada pekerja-pekerja biasa (Baker, Resch, Carlisk dan Schmidt 2001). Ini mengalakkan penutur natif Bahasa Jerman mempelajari Bahasa Inggeris. Semasa membelajari sesebuah bahasa, secara tidak langsung seseorang akan terdedah kepada budayanya. Inilah yang menyumbang kepada kewujudan bahasa hibrid—*Denglisch*.

Memang tidak menafikan bahawa kemasukkan leksis Bahasa Inggeris ini mendatangkan manfaat kepada banyak pihak. Ahli linguist Jerman menjelaskan kemasukkan leksis Bahasa Inggeris terutamanya dalam bidang tertentu seperti sains dan teknologi amat perlu kerana leksis asal daripada Bahasa Jerman tidak mencukupi untuk mendukung makna yang setimpal (Fink, H. 1980). Tambahan lagi, Krämer yang telah mengasaskan *Verein für deutsche Sprache* (Persatuan Bahasa Jerman) pada 1997 untuk menghalang *Denglisch* dan mempromosikan Bahasa Jerman yang tulen, berpendapat bahawa Bahasa Inggeris adalah sebuah bahasa yang mudah dipelajari dan penutur Bahasa Jerman mengalihkan bahasa asal mereka atas sebab seperti yang dinyatakan oleh Fink dan lebih penting adalah para penutur

natif Bahasa Jerman malu dengan sejarah Nazi mereka. Dengan itu, mereka memilih bahasa yang mempunyai status yang dihormati dan dicintai dan mengurniakan diri mereka kad pengenalan kosmopolitan yang dibuat sendiri (self-made cosmopolitan ID-card) dengan menggunakan bahasa hibrid *Denglisch* ini (Zulla, H. 2002).

2.3.2 Usaha-usaha Pemeriharaan Bahasa Jerman

Usaha untuk mengekalkan Bahasa Jerman dan mempromosikannya memang dilaksanakan dengan baik oleh pihak kerajaan Jerman, Institusi dan perbadanan Jerman. Misalnya:

- i. ahli politik dari Berlin, Eckert Werthebach turut menyatakan bahawa Bahasa Jerman merupakan khazanah yang paling berharga kepada orang Jerman, dengan itu beliau telah mencadangkan *Purification Law-ein Reinheitsgebot für die deutsche Sprache* untuk Bahasa Jerman pada bulan Februari 2001 dan mengutarakan pendapat beliau bahawa Bahasa Jerman kini diabaikan dengan kehadiran dan pengembangan *Americanismus* (Connolly, 2001). Selain itu, cadangan Werthebach ini telah mencetuskan perbahasan nasional. Isu pencerobohan leksis-leksis Inggeris dalam Bahasa Jerman membahayakan kedudukan Bahasa Jerman dibincang dalam perbahasan ini (Quinion, M. 2001).
- ii. Presiden negara Jerman, Wolfgang Thierse daripada parti politik SPD meminta pertolongan daripada masyarakat untuk membanteras fenomena ini (Coiplet, S. 2001)
- iii. Institut Goethe yang giat mempromosikan pembelajaran Bahasa Jerman sebagai bahasa asing bukan sahaja di negara sendiri malah di seluruh pelusuk dunia. Institut Goethe mempunyai sebanyak 142

cawangan – enam belas daripadanya di dalam negara Jerman sendiri dan yang lain-lain terletak di luar negara Jerman. Setiap tahun sebanyak 278 Euro juta diperuntukkan oleh *German Foreign Office* dan *German Press Office* untuk tujuan mempromosikan Bahasa Jerman. Sementara itu, badan-badan lain seperti *DAAD* (Deutsche Akademischer Austauschdienst) mengeluarkan sebanyak 1000 buah biasiswa setiap tahun untuk menggalakkan mereka yang berminat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi di Jerman.

- iv. sebuah sistem baru bagi Bahasa Jerman telah diperkenalkan di seluruh negara Jerman pada tahun 1998. Segala perubahan yang telah dibuat ke atas Bahasa Jerman telah dibukukan dan diagihkan ke seluruh negara dan luar negara untuk rujukan (Stevenson, P 1997).
- v. pada awal abad ke-20, ahli linguist Jerman telah menerbitkan kamus *Germanising Dictionaries* membersihkan Bahasa Jerman daripada perkataan yang berasal daripada Bahasa Perancis. Misalnya **Portemonnaie** (wallet), **paraplus** (umbrella), **trottoir** (walkway) dan lain-lain lagi. Perkataan-perkataan ini telah digunakan dengan meluasnya dalam Bahasa Jerman dan dianggap sebagai bahasa standard dalam Bahasa Jerman kini (<http://www.dw-world.de>).
- vi. pengawai yang mempengerusikan persidangan Parlimen-*Bundestag*, Wolfgang Thierse menggalakkan dan mendesak orang

Jerman untuk mempertahankan bahasa mereka, iaitu Bahasa Jerman (<http://www.dw-world.de>).

- vii. sekumpulan warga emas di Nürnberg mengadakan kempen tandatangan *No to Denglisch*. Salah seorang daripada warga emas ini, Magda Schleip mengutarakan bahawa bahasa mereka tidak faham akan *Denglisch* ini ketika ditemuduga oleh wartawan daripada surat khabar *Süddeutsche Zeitung* semasa kempen ini dijalankan. (<http://www.dw-world.de>).
- viii. Menteri Pendidikan Bavaria mengumumkan bahawa mereka telah mendesak pihak sekolah untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dalam usaha mempertahankan Bahasa Jerman semasa Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa pada 21 Februari (<http://www.dw-world.de>).
- ix. lagu Bahasa Inggeris mendominasi siaran radio di negara Jerman. Oleh itu, terdapat pihak yang menyeru pihak radio untuk memainkan lebih banyak lagu dalam Bahasa Jerman. Ini adalah kerana tindakan ini dapat membantu industri musik tempatan seperti Gerd Gebhardt, pengurus *German Phono Association* memaparkan pendapat beliau dalam halaman webnya bahawa sebenarnya terdapat ramai penyanyi Jerman yang berbakat, akan tetapi mereka tidak mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak radio untuk menyiarlagu mereka. Menurut laporan daripada laman web <http://www.de-world.de> hanya terdapat sejumlah 1.2% daripada lagu yang disiarkan merupakan Bahasa Jerman, iaitu satu daripada seratus!

Memang tidak menafikan bahawa Bahasa Inggeris telah mencerobohi Bahasa Jerman sedikit demi sedikit di negara Jerman kini dan usaha yang wajar untuk meminimumkan fenomena ini turut diambil, akan tetapi usaha yang diperjuangkan oleh mereka ini telah dikikis sedikit demi sedikit, hari demi hari, tahun demi tahun akibat daripada pengaruh Bahasa Inggeris yang mempunyai status global yang tidak dapat disangsikan dan sikap melindungi bahasa mereka sendiri tidak sekuat orang Perancis, misalnya di negara Perancis, para juruterbang *Air France* membantah dan memulau penggunaan Bahasa Inggeris dalam arahan trafik udara (Young, M. 2002). Kini, bukan sahaja terdapat banyak leksis bahasa Inggeris digunakan dalam kehidupan harian orang Jerman malah leksis-leksis ini diterima dalam kamus. Walaupun terdapat bantahan yang kuat ke atas situasi *Denglisch* ini, nampaknya luahan isi hati golongan ini tidak dapat menangani arus globalisasi. Bukan sahaja di Jerman, malah negara lain seperti negara Perancis-Presiden Perancis, Jacques Chirac turut membantah fenomena ini. Beliau bimbang akan masa depan Bahasa Perancis dan mengeluarkan pendapatnya:

Nothing would be worse for humanity than to move towards a situation where we speak only one language.

(<http://www.dw-world.de>, 2004)

First Lady , isteri Presiden Vladimir Putin daripada negara Rusia memimpin sebuah badan untuk membangkang pencerobohan Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Rusia. Negara ini turut mengalami masalah yang sama dan mereka juga mengusahakan sedaya upaya untuk membanteras masalah ini. Leksis *Denglisch* sememangnya mempunyai leksis Jerman yang asli. Kenapa pengguna Bahasa Jerman memilih leksis *Denglisch* dan menyisihkan leksis Jerman yang asli? Menurut sebuah artikel yang ditulis oleh Glück, H. (2004) yang berjudul *Language in Flux*, leksis yang digunakan lebih kurang 1900 sudah dianggap ketinggalan zaman dan keadaan yang lebih serius adalah kebanyakan leksis yang penting terdiri daripada Bahasa Inggeris atau leksis *Denglisch* (Hintereder, P. 2004) .Serangan hebat daripada

Denglisch ini bukan sahaja mencerobohi dunia pengiklanan dan perdagangan, malah kehidupan harian orang-orang Jerman. Daripada insiden ini, jelas kelihatan leksis *Denglisch* telah menular dengan berleluasa dan perkembangan yang pantas semakin membimbangkan banyak pihak. Mereka bimbang akan kehilangan identiti nasional akibat daripada keputusan mereka untuk memilih penggunaan bahasa mereka.

2.4 Globalisasi

Kita sering menemui atau mendengar perkataan ini **globalisasi**. Ada di kalangan kita memahami maksud perkataan ini, akan tetapi ada yang langsung tidak mengenali perkataan ini. Sebenarnya fenomena Globalisasi ini sudah wujud sebelum kita mengenali dan membiasakan diri dengan istilah ini serta ia merupakan sebuah fenomena yang kewujudannya dan kesannya terhadap manusia memang tidak dapat dipertikaikan. Apa sebenarnya perkataan Globalisasi yang sering disebut-sebutkan oleh orang ramai? Perkataan Globalisasi ini berasal daripada kata asalnya global yang mendukung makna universal. Untuk mengenali fenomena ini dengan lebih dalam, adalah perlu untuk meninjau dari segi maksudnya terlebih dahulu dan golongan orang yang berlainan mentafsir makna perkataan ini, iaitu Globalisasi berbeza-beza. Ini adalah disebabkan bahawa masih tidak terdapat sebuah makna yang tetap dan kukuh serta dapat dipersetujui oleh semua orang di dunia ini bagi perkataan Globalisasi ini. Ini adalah kerana perkataan ini didefinisikan mengikut para penggunanya. Secara umumnya Globalisasi mendukung maksud hubungan antara manusia di dunia ini yang merentasi benteng-benteng geografi antara negara-negara menerusi perdagangan, perjalanan, budaya popular, bentuk interaksi yang lain-lain lagi. Ada yang memandang dari segi sosial, ada pula dari segi sejarah, dari segi ekonomi dan lain-lain lagi. Ada pihak yang mendefinisikan fenomena Globalisasi ini daripada sudut yang berlainan dan berpendapat bahawa ia merupakan satu proses alamiah yang melangkah batasan-batasan

geografi, ekonomi dan budaya masyarakat serta menjalinkan hubungan antara manusia yang semakin erat tanpa sebarang batasan (Wikipedia Indonesia, 2006).

Kamus Dewan mendefinisikan Globalisasi sebagai,

fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepentasan perkembangan teknologi maklumat.

(Kamus Dewan, 1996)

Kamus Dewan menekankan bahawa teknologi maklumat merupakan pemangkin yang menyebabkan fenomena ini meresapi kehidupan manusia dan mengantikan kedudukan serta menjelajahi sesuatu bahasa di dunia ini. Sebenarnya pandangan ini telah pun diujarkan oleh Lodge (1993) lima belas tahun dahulu, iaitu faktor teknologi memainkan peranan penting dalam proses pembentukan globalisasi. Menurut Utusan Pengguna (1997), globalisasi merupakan satu proses yang menjadikan dunia ini seragam, iaitu “semua untuk satu dan satu untuk semua”.

2.4.1 Kesan Fenomena Globalisasi

Globalisasi ini meresapi ke dalam kehidupan kita tanpa disedari dan tidak terdapat satu bidang dalam kehidupan kita ini dapat dikecualikan daripada dipengaruhi oleh fenomena ini. Pelbagai jenis orang yang menghuni dunia ini dan setiap orang adalah unik serta mempunyai pandangan yang tidak patut dipertikaikan dan diabaikan. Seperti fenomena lain di dunia ini, kewujudan mereka kadang kala diterima dengan hati yang terbuka dan ada kalanya tidak. Terdapat segolongan manusia yang mempunyai pandangan yang serong terhadap fenomena Globalisasi ini. Ini kerana pada pendapat mereka, proses Globalisasi ini akan menghapuskan identiti mereka dan budaya asal akan menjadi semakin pudar akibat pengaruh kuat budaya luar. Fenomena Globalisasi ini sering diasosiasikan dengan ekonomi. Golongan ini berpendapat bahawa fenomena Globalisasi ini merupakan satu helah dari negara-negara kuasa kuat untuk menguasai negara-negara yang lemah. Akan tetapi

pengaruh Globalisasi ini bukan sahaja terhad di bidang ekonomi, malah bidang-bidang lain seperti budaya dan agama. Fenomena Globalisasi ini memberi impak yang rancak ke atas bidang sosio-budaya terutamanya kesannya jelas kelihatan dalam bidang bahasa. Bahasa-bahasa di dunia ini kini stabil dan kaya dengan kehadiran fenomena Globalisasi ini. Akan tetapi ada pihak yang memandangnya sebagai kemerosotan bahasa atau pencemaran bahasa serta yang lebih serius lagi kehilangan identiti sesebuah komuniti bahasa. Ini adalah kerana arus fenomena ini sering diasosiasikan dengan Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa di dunia ini kini meminjam banyak leksis Bahasa Inggeris untuk menampung kekurangan dalam bahasa mereka sendiri dan membuka jalan bagi mereka berkeupayaan untuk bersaing dengan bahasa-bahasa lain dalam arena antarabangsa tanpa diketepikan atau disingkirkan. Kini terdapat satu billion manusia yang bertutur Bahasa Inggeris dan dalam tahun 2008 jumlah penutur Bahasa Inggeris telah meningkat dan mencapai 1.5 bilion. Ini dapat mencerminkan betapa unggulnya peranan Bahasa Inggeris pada era ke-21 ini dan Crystal (2004) mengujarkan pandangannya terhadap Bahasa Inggeris, di mana Bahasa Inggeris merupakan bahasa Global yang sebenarnya di dunia ini. Bahasa Global? Apa yang dimaksudkan sebagai bahasa Global di sini? Menurut Crystal (2004), ini bermakna Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting dalam fenomena Globalisasi dan menjadikan dunia ini sebuah kampung global (Global village). Tambahan pula kehadiran Bahasa Inggeris ini bukan dengan niat untuk melupuskan bahasa asal sesebuah masyarakat. Fenomena Globalisasi ini bukan sahaja memberi impak positif malah negatif terhadap sesuatu bahasa. Kewujudan impak-impak ini ke atas sesebuah bahasa memang tidak dapat diabaikan atau dinafikan. Kita sebagai pengguna bahasa tidak ada hak untuk mempertikaikan penggunaan bahasa seseorang atau sesebuah komuniti dan kita juga tidak ada hak untuk mempersoalkan pendirian mereka terhadap pilihan bahasa serta pandangan atau pendirian mereka terhadap fenomena Globalisasi ini. Ini kerana fenomena ini bukan

kejadian alam tetapi kejadian manusia. Kelakuan manusia tehadap bahasalah menyebabkan evolusi bahasa mengambil tempat. Justeru itu, jangan salahkan pengguna sesebuah bahasa atas apa yang telah berlaku. Tambahan pula fenomena globalisasi ini merupakan satu kenyataan dan bukannya sesuatu yang boleh diterima atau ditolak oleh para pengguna bahasa (Herry-Priyono, 2004). Fenomena Globalisasi inilah yang menyumbang kepada kewujudan *Denglisch* di negara Jerman.

2.5 Surat Khabar di Negara Jerman

Berita menyampaikan dan memenuhi ketandusan informasi yang diperlukan oleh manusia. Di mana kita memperolehi berita ini?-Surat khabar! Surat khabar pada zaman ini bagaikan tiga hidangan makanan harian utama manusia. Kita akan merasakan kekosongan jika tidak membaca surat khabar. Memang tidak asing lagi surat khabar bagi kita. Ia merupakan sebuah penerbitan harian atau mingguan yang mengandungi berita, informasi, dan iklan. Surat khabar memaparkan berita terkini dalam negara atau luar negara, politik, ekonomi, sukan, masyarakat, hiburan, dan lain-lain lagi. Saiz surat khabar dapat dikategorikan kepada tiga saiz yang utama:

- a) *Broadsheets*, di mana saiznya berukuran 600 mm X 380 mm, iaitu saiz surat khabar yang lazim kita baca dan ia sering diasosiasikan sebagai surat khabar intelek dan berkualiti tinggi.
- b) *Tabloids*, di mana saiznya separuh daripada broadsheets, iaitu berukuran 380 mm X 300 mm. Jenis ini dikatakan memaparkan berita-berita yang sensasi dan mengemparkan. Contohnya: *The Sun*, *The National Enquirer*, *The National Ledger*, *The Star Magazine*, *New York Post*, *The Globe* dan lain-lain lagi.

- c) *Berliner atau Midi*, di mana saiznya berukuran 470 mm X 315 mm. Jenis surat khabar ini selalunya digunakan oleh surat khabar di Eropah. Contohnya: *Le Monde* di Perancis, *La Stampa* di Italy, *El Pais* di Sepanyol, *The Guardian* di UK.

Sejak kebelakangan ini, dengan kehadiran teknologi, surat khabar telah disampaikan dalam bentuk yang menarik dan moden. Bukan sahaja kualiti kandungan surat khabar dipentingkan kini, tetapi kualiti surat khabar secara keseluruhan turut diambil kira oleh para pembaca. Trend kini adalah surat khabar elektronik, di mana para pembaca membaca surat khabar dengan menggunakan laptop mereka atau komputer peribadi mereka. Kemudahan mengakses internet telah menyebabkan pembaca surat khabar konvensional telah menurun, terutamanya golongan muda. Surat khabar konvensional sudah tidak dapat menarik perhatian mereka untuk terus membaca surat khabar cetak. Bilangan pembaca surat khabar konvensional telah berkurangan hari demi hari akibat saingan daripada televisyen dan internet, terutamanya di negara-negara membangun. Ini dapat dibuktikan oleh Kongres Surat Khabar Dunia yang ke-57 (The 57th annual World Newspaper Congress) yang dianjurkan pada bulan Jun tahun 2004 di Istanbul. Penurunan sebanyak 2.2 % pengedaran surat khabar di 13 daripada 15 negara-negara yang membentuk Persatuan-persatuan Eropah (European Union) (Wikipedia, 2008). Negara Jerman menerbitkan 333 naskah surat khabar daerah harian, 10 naskah nasional harian, 10 penerbitan yang berkualiti dan 9 naskah surat khabar yang menumpukan kepada hal-hal umum , di mana surat khabar yang popular dan berpengaruh – *Bild-Zeitung* yang diterbit oleh Axel Springel Verlag serta mempunyai pengedaran sebanyak 3.6 juta tergolong dalam kategori ini. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa negara Jerman mempunyai 350 naskah surat khabar harian dan jumlah pengedarannya mencapai 24 juta. Faktor utama yang menyebabkan sebuah negara yang berdiameter dan boleh menerbit 350 naskah surat khabar harian adalah faktor kebebasan media dan faktor berdikari yang dijamin oleh undang-undang negara Jerman seperti yang dicatat dalam Article 5 dalam Undang-

undang *Basic Law*. Tabiat membaca orang Jerman turut menyumbang kepada penerbitan surat khabar. Menurut sebuah kajian pada tahun 1990, didapati terdapat 68 % orang Jerman Barat dan 88 % orang Jerman timur membaca surat khabar setiap hari (Gordeeva, T. 2007). Lima naskah surat khabar yang mempunyai reputasi yang baik adalah *Frankfurter Allgemeine Zeitung* (FAZ), *Süddeutsche Zeitung*, *Frankfurter Rundschau*, *Handelsblatt* dan *Die Welt*. Walaupun surat khabar ini mempunyai reputasi yang baik dan tinggi, pengedarannya tidaklah sehebat Tabloid—*Bild Zeitung* yang mempunyai pengedaran harian hampir kepada 5 juta. Ini adalah kerana kelima-lima surat khabar yang dinyatakan di atas, pembaca sasarnya merupakan golongan elit manakala tabloid—*Bild Zeitung* pula mempunyai sasaran pembaca yang lebih luas.

2.5.1 Tabloid

Apakah sebenarnya Tabloid? Tabloid merupakan surat khabar. Perbendaharaan kata lazimnya digunakan dalam industri surat khabar. Mereka yang bukan dari industri ini jarang menemui perkataan ini dan tidak hairan jika sesetengah daripada mereka tidak tahu akan maksud perkataan ini. Tabloid merujuk kepada sejenis surat khabar yang mempunyai format yang lebih kecil daripada gambaran terhadap surat khabar oleh orang ramai, iaitu berukuran 380 mm X 300 mm. Jenis surat khabar ini berjaya menambat hati pembacanya yang ramai kerana tabloid melaporkan berita atau gosip sensasi celebriti dan ahli politik, cerita tempatan yang hangat, kisah sebenar yang menyayatkan hati, cerita jenayah yang menarik, cerita hantu yang menyeramkan, komik yang menyenangkan hati dan lain-lain lagi. Akan tetapi tabloid sering dilihat sebagai surat khabar yang berkualiti rendah kerana menerbitkan berita atau laporan laporan yang kesahannya disangsikan. Leksis *Tabloid* ini berasal daripada bidang ilmu perubatan, di mana ia digunakan untuk merujuk kepada ubat yang menghilangkan kesakitan (pain killer) yang dijual dalam pil yang dimampatkan (compressed tablet). Konsep ini diambil dan diaplikasikan dalam industri surat khabar ini untuk merujuk kepada jenis surat

khabar yang dimampatkan dan menjadikannya lebih senang dibaca oleh orang ramai. Surat khabar tabloid ini diasaskan oleh perintisnya Alfred Harmswoth (1865-1922). Beliau merupakan wartawan yang menyelamatkan dan menghidupkan industri surat khabar yang mengalami kemerosotan malah kerugian. Alfred telah menukar surat khabar yang lazim kepada bentuk tabloid dan berjaya memenangi hati para pembaca dan justerunya mengaut keuntungan yang lumayan. Tujuan beliau memperkenalkan jenis surat khabar tabloid ini adalah untuk menyebarkan pendapat atau pandangannya dan pada masa yang sama mempengaruhi pandangan orang ramai, contohnya mengulungkan kerajaan yang dibawah pimpinan perdana menteri Herbert Henry Asquith semasa krisis Shell pada tahun 1915 (Wikipedia, 2008). Jenis surat khabar tabloid ini disebarluaskan kepada seluruh pelusuk dunia dan banyak negara mula menerbitkan jenis surat khabar ini memandangkan tabloid berjaya menarik perhatian sejumlah pembaca yang agak besar, misalnya *The Independent*, *The Times* dan *the Scotsman* (England); *NRC Handelsblad*, *Metro*, *Spits*, *DAG* dan *De Pers* (Belanda); *Nice Matin* (Perancis) ; *Berlingske Tidende* (Denmark), *Sun Media* dan *The Province* (Kanada); *The Advertiser*, *Herald Sun*, *Sun Herald*, *Daily Telegraph*, *The Courier Mail* dan *The West Australian* (Australia); *Mid-Day* dan *Afternoon* (India) dan negara-negara lain di dunia ini (Wikipedia, 2006). Jenis format Tabloid turut melanda negara Jerman, di mana tabloid Jerman - *Bild Zeitung* berjaya menarik perhatian para pembaca di negara Eropah dan justerunya menjadi tabloid yang paling laris dijual di seluruh Eropah dan ketiga di seluruh dunia (Wikipedia, 2008). Tabloid *Bild- Zeitung* ini ditubuhkan oleh Axel Springer dan diterbitkan oleh syarikat Axel Springer AG pada tahun 1952. Ketika itu *Bild Zeitung* ini ditapakkan di Hamburg dan pada masa yang singkat tabloid *Bild Zeitung* ini menjadi tabloid yang paling popular di negara Jerman dan di seluruh Eropah serta mendatangkan keuntungan yang lumayan. Tabloid *Bild Zeitung* ini bagaikan sajian harian pembacanya seperti yang diutarakan oleh orang ramai yang berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat:

For German politicians, it's a necessary evil. For German journalists, it's mandatory daily reading. For the German desperate, it's a daily dose of high-resolution soft porn. And for millions of Germans, it's the primary source of news.

(<http://www.spiegel.de>, 2006)

Selepas itu pada tahun ini, 2008 bulan Mac syarikat ini memindahkan pejabat mereka ke ibu negara, Berlin. Kejayaan tabloid *Bild –Zeitung* ini dijanakan oleh moto mereka yang berbunyi *unabhängig, überparteilich* (independent, nonpartisan) dan atas pimpinan ketua pengarang yang dinamik dan berkaliber. Kini ketua pengarang tabloid *Bild Zeitung* ini merupakan Kai Diekmann. Tabloid *Bild Zeitung* ini menjadikan tabloid England, *Daily Mirror* sebagai contoh. Akan tetapi saiz antara kedua-dua tabloid ini berlainan, di mana saiz tabloid *Bild Zeitung* adalah lebih kecil daripada tabloid *Daily Mirror*. Memang diketahui orang ramai dan popular dalam pasaran surat khabar, di mana tabloid *Bild Zeitung* ini menggunakan taktik-taktik mereka seperti menggunakan tajuk berita yang sensasi dan mengemparkan atau mencipta berita berita yang hangat untuk menarik perhatian para pembacanya dan meningkatkan jumlah naskah tabloid yang dijual. Selain itu, tabloid *Bild Zeitung* turut memaparkan gambar perempuan yang separuh bogel pada muka depan tabloid untuk menarik lebih ramai pembaca. Dan cara publisiti tabloid *Bild Zeitung* ini dikritik oleh kumpulan Feminist Jerman (German feminist groups). Bukan seperti surat khabar lain di negara Jerman, di mana kebanyakan surat khabar dimiliki oleh parti-parti politik tertentu, dengan itu, surat khabar ini akan memihak kepada parti-parti politik tersebut contohnya *Vorwärts* dimiliki oleh parti politik SPD dan *Bayernkurier* oleh parti politik CSU. Selepas keruntuhan dinding Berlin dan ketamatan Perang Dingin di Eropah, tabloid *Bild Zeitung* tidak lagi memihak kepada mana-mana parti politik seperti surat khabar lain. Sejarah membuktikan bahawa tabloid *Bild Zeitung* ini memang memihak kepada parti politik GRD, *Soviet Occupation Zone* (German: *Sowjetische Besatzungszone* or *SBZ*) dan pernah mempengaruhi orang ramai untuk

menentang gerakan pelajar Jerman dan turut menyumbang kepada peristiwa politik yang lain. Walaupun tabloid *Bild Zeitung* ini merupakan surat khabar yang paling laris bukan sahaja di negara Jerman malah di seluruh Eropah, akan tetapi tabloid *Bild Zeitung* ini tidak dapat melarikan diri daripada apa yang menimpa surat khabar lain di dunia ini, iaitu jumlah pembaca yang semakin menurun. Pada akhir tahun 2005 jumlah naskah yang dijual telah merosot sehingga 3.8 juta. Ini merupakan satu angka yang membimbangkan, kerana sebelum itu pada era 80-an jumlah naskah yang dijual mencecah 5 juta naskah setiap hari (Wikipedia, 2006). Untuk mengatasi masalah kemerosotan pembaca, tabloid *Bild Zeitung* telah mengorak langkah yang sewajarnya untuk menarik balik para pembaca tabloid *Bild Zeitung* supaya terus menjadi pembaca yang setia. Dengan itu tabloid *Bild Zeitung* online telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan ia merupakan kerjasama antara Axel Springel AG dengsn T-Online International AG. Dalam hubungan perkongsian ini, Axel Springel AG masih merupakan pemegang saham yang utama, di mana Axel Springel AG memiliki 63 % saham dan T-Online International AG hanya memegang 37 % saham. Syarikat ini diberi nama baru iaitu *BILD Digital GmbH. & Co. KG.* dan mula beroperasi pada tahun 1996 dan pada masa itu, syarikat tersebut hanya mempunyai empat orang pekerja sahaja. Sekarang syarikat *BILD Digital GmbH. & Co. KG.* telah mempunyai 100 pekerja dan beribu pejabat di Berlin dan Hamburg. Kini tabloid *Bild Zeitung* ini berjaya menambat semula hati para pembacanya dan menjadi sebuah *internet site* yang unggul. Menurut satu statistik yang dijalankan pada Ogos 2008 tabloid *Bild Zeitung* memecah rekod yang baru, di mana jumlah *Page Impressionsnya* merupakan 865 juta dan jumlah pembaca yang melayari laman web (visits) merupakan 64 juta (Fröhlich, T 2008).

2.6 Leksis

Perbendaharaan kata memainkan peranan yang penting dalam komunikasi sesama manusia. Ini adalah kerana tanpa perbendaharaan kata, seseorang tidak dapat menyampaikan isi hati

mereka seperti yang disampaikan oleh Richards (2000). Mungkin sesetengah daripada kita tidak biasa dengan perkataan perbendaharaan kata ini. Sebenarnya perbendaharaan kata merupakan perkataan, atau dalam bidang linguistik, perbendaharaan kata ini dirujuk sebagai leksis. Dan leksis ini berbeza dengan item-item leksikal. Menurut Lewis (1997) item-item leksikal dapat dibahagikan kepada empat kategori yang utama, iaitu

- i. **perkataan tunggal**, misalnya *push*, *exit*, *fruit* atau **perkataan jamak / “polywords”**, misalnya *by the way*, *on the other hand*
- ii. **kolokasi**, misalnya *an initial reaction*, *to assess the situation*
- iii. **ekspresi yang telah ditetapkan**, misalnya *i'll see what i can do*, *it's not the sort of thing you think will ever happen to you.*
- iv. **sentence frames or heads**, misalnya *Considerable research has been done in recent years on the question of...; At present, however, expert opinion remains divided; Some experts believe....*

Setelah memerhatikan penerangan daripada pelbagai sumber seperti Wikipedia (2008), WordNet 3.0, Princeton University (2008), Roget's II: The New Thesaurus (2003), Wiktionary (2008) dan Encarta® World English Dictionary (2007), dapat disimpulkan bahawa leksis merupakan perbendaharaan kata, perkataan dan leksis merujuk kepada benda yang sama dan mendukung makna yang sama. Sebenarnya perkataan **leksis** ini berasal daripada Bahasa Yunani, iaitu λέξις yang bermakna perkataan dan perkataan **leksis** ini merupakan perbendaharaan kata teknikal bagi perkataan.

2.6.1 Klasifikasi Kategori Leksis

Leksis dapat dipecahkan kepada kategori yang lebih kecil lagi dan kategori ini berubah-ubah dalam tatabahasa Bahasa Jerman. Ahli linguist yang lain mempunyai kategori mereka yang berlainan. Walaupun ahli linguist mempunyai pandangan mereka sendiri terhadap kategori

leksis ini, mereka telah mempersetujui akan kategori leksis yang utama. Di samping kategori leksis yang utama ini, ahli Linguist ini mengkategorikan dengan lebih terperinci lagi dan menamakan kategori sampingan ini secara berbeza-beza. Kategori leksis yang utama seperti yang telah dipersetujui oleh para ahli Linguist Jerman adalah kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata ganti nama diri dan kata keterangan. *Duden* (1984) telah menambahkan tiga lagi kategori leksis sampingan kepada kategori leksis utama, iaitu preposisi / kata depan, kata penghubung dan *interjunction*. Dengan itu, jumlah kategori leksis menurut *Duden* adalah lapan dan direkodkan dalam kamus *Duden*. *Duden* merupakan kamus Bahasa Jerman dan *Duden* kini merupakan edisi ke-24. *Duden* telah diterbitkan buat julung kalinya pada tahun 1880 oleh Konrad Duden. Justeru itu, nama kamus ini dinamakan sempena nama penerbitnya. Kamus-kamus *Duden* ini dikemaskinikan setiap empat hingga lima tahun dan ia mempunyai dua belas jilid iaitu *Die deutsche Rechtschreibung* (The German spelling), *Das Stilwörterbuch* (The dictionary-style), *Das Bildwörterbuch* (The picture dictionary), *Die Grammatik* (The grammar), *Das Fremdwörterbuch* (The foreign words book), *Das Aussprachewörterbuch* (The pronunciation book), *Das Herkunftswörterbuch* (The origin dictionary), *Das Synonymwörterbuch* (The synonym dictionary), *Richtiges und gutes Deutsch* (Correct and good German), *Das Bedeutungswörterbuch* (The dictionary meaning), *Redewendungen* (Idioms) dan *Zitate und Aussprüche* (Quotes and Sentences).

Selain kamus *Duden*, ahli Linguist Jerman, Engel (1988) mengemukakan empat belas kategori-kategori leksis, iaitu di mana lima kategori utama dan sembilan kategori sampingan. Bergenholz dan Schneider (1977) menggunakan kriteria sintaktik untuk mengkaji kategori leksis dan didapati terdapat sejumlah 51 kategori leksis utama dan sampingan.

Menurut Russ (1994) terdapat tiga kriteria yang digunakan untuk mengklasifikasikan leksis ke dalam kategori:

- i. kriteria semantik – leksis diklasifikasikan berdasarkan kepada maknanya.

- ii. kriteria sintaksis – leksis diklasifikasikan berdasarkan kepada penggunaan sebuah leksis tersebut dalam sebuah ayat.
- iii. kriteria morfologi – leksis diklasifikasikan berdasarkan kepada bentuknya.

Setiap kriteria ini ada kekuatan dan kelemahannya. Justeru itu, adalah tidak wajar jika mengklasifikasikan leksis dengan hanya meujuk kepada hanya satu kriteria sahaja. Contohnya dalam kriteria semantik, seperti yang difahamkan oleh orang ramai, leksis dikategorikan berdasarkan maknanya, misalnya kata nama merupakan nama kepada benda atau orang. Misalnya bagi leksis **Frieden** (peace), **Liebe** (love) dan **Gerechtigkeit** (justice) bukan merujuk kepada samada orang atau benda. Bagaimanakah kita mengkategorikan leksis sebegini mengikut kriteria semantik? Dengan itu, cara yang paling sesuai untuk mengklasifikasikan leksis adalah menggabungkan ketiga-tiga kriteria ini, dengan itu kelemahan dalam sesuatu kriteria dapat diatasi. Klasifikasi leksis ini wujud sejak tahun ke- 5 atau -6 sebelum Masihi dan klasifikasi leksis yang terawal di dunia ini dicatat dalam Nirukta, di mana tatabahasa Sanskrit Yāska dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu *nāma* – kata nama, *ākhyāta* – kata kerja, *upasarga* – imbuhan awalan dan *nipāta* – partikel. Satu atau dua abad kemudian Plato pula mengemukakan dua kategori leksis dalam dialog *Kratylos*, di mana ayat-ayat dibentuk oleh kata nama (*ónoma*) dan kata kerja (*rhēma*). Selepas itu, kategori leksis ini diperbaiki oleh anak murid Plato, iaitu Aristotle, di mana Aristotle menambahkan tiga lagi kategori leksis. Tiga kategori leksis ini merupakan kata penghubung, kata ganti nama diri dan kata sandang. Dengan itu atas usaha ahli Linguist, lapan kategori leksis telah dibentuk dan dicatat dalam tatabahasa bahasa Yunani , iaitu *Téchnē grammatiké* oleh ahli tatabahasa **Dionysios** pada akhir tahun ke 2 sebelum Masihi. Lapan kategori leksis ini adalah kata nama, kata kerja, *partizip*, kata sandang, kata ganti nama diri, preposisi, kata keterangan dan kata penghubung. Pada abad ke-5 tatabahasa bahasa Latin telah mengubahsuai lapan kategori leksis yang dikemukakan oleh **Dionysios** (Wikipedia 2008), di

mana *Priscianus Caesariensis* atau dikenali sebagai *Priscian* , seorang ahli Linguist Latin telah menggantikan *Interjektion* dengan kategori kata sandang. Akhir sekali kategori kata sendi turut ditambah ke dalam lapan kategori leksis pada tahun 1767. Walaupun sepuluh kategori leksis telah dibentuk, akan tetapi ada tatabahasa yang mengambil kesemua kategori leksis, ada yang tidak. Contohnya tatabahasa bahasa Inggeris mempunyai lapan kategori leksis sahaja , iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata sandang, kata ganti nama diri, preposisi, kata keterangan dan kata penghubung.

2.6.2 Kategori Leksis Bahasa Jerman

Tatabahasa Bahasa Jerman mempunyai sepuluh kategori leksis yang merupakan gabungan tatabahasa Bahasa Yunani dan Bahasa Latin dan dinamakan *10- Wortarten-Lehre*. *10-Wortarten-Lehre* ini adalah kata nama (Nomen, Hauptwort), kata kerja (Zeit- oder Tätigkeitswort), kata adjektif (Eigenschaftswort), kata keterangan (Umstandswort) kata ganti nama diri (Fürwort), preposisi (Verhältniswort), kata penghubung (Bindewort), angka (Zahlwort), kata sandang(Geschlechtswort) dan kata sampaikan (Ausrufe- oder Empfindungswort). Kategori leksis *10-Wortarten-Lehre* ini dikritik sebab ia tidak memenuhi kriteria klasifikasi leksis yang tertentu. Ahli Linguist yang mengkritik akan *10-Wortarten-Lehre* ini berpendapat bahawa ia adalah tidak jelas bagaimana leksis Jerman ini diklasifikasikan ke dalam 10 kategori ini. Ini adalah kerana sesetengah leksis yang sama dapat dimasukkan ke dalam kategori yang berlainan. Misalnya, leksis **doch** dapat dikategorikan ke dalam kategori **Konjunktion**, **Adverb** dan **Partikel**. Contohnya,

- i. *ich klopfte, doch niemand öffnete.* (I knocked, but nobody opened.)
- ii. *Eigentlich war Eva krank, doch ging sie zur Arbeit.* (Eva was really sick, but she went to work.)
- iii. *Das hast du doch gewusst!* (That did you know it!)

Dalam ayat i, ***doch*** bermakna ***but*** dan ***doch*** ini dalam ayat i merupakan *Konjunktion*; dalam ayat ii pula, ***doch*** mendukung maksud *however* dan ***doch*** ini dalam ayat ii merupakan *Adverb* manakala dalam ayat iii, ***doch*** hanya berfungsi sebagai penekanan dan tidak ada definisinya. ***Doch*** dalam ayat iii dapat dikategorikan sebagai partikel. Memandangkan kepada pengklasifikasi yang tidak jelas, maka ahli Linguist Switzerland Hans Glinz mengemukakan kategori leksis yang lebih stabil dan jelas. Kategori leksis ini diberi nama *die Fünf-Wortarten-Lehre* (Duden, 2005), di mana leksis diklasifikasikan mengikut kriteria morfologi. Kelima-lima kategori leksis yang utama menurut Hans Glinz adalah seperti partikel, kata nama, kata ganti nama diri, kata adjektif dan kata kerja. Kategori partikel pula dapat dibahagikan kepada 4 kategori sampingan, iaitu preposisi, kata penghubung, *interjektion* dan kata keterangan. Kategori *Adverbien* pula dapat dibahagikan kepada enam lagi kumpulan yang kecil, iaitu kata keterangan tempat (Lokaladverb), kata keterangan masa (Temporaladverb), kata keterangan bantuan (Modaladverb), kata keterangan sebab (Kausaladverb), kata keterangan tanya (Interrogativadverb) dan kata keterangan preposisi (Präpositionaladverb). Di samping itu, kata ganti nama diri pula dapat dibahagikan kepada sepuluh kumpulan yang kecil, iaitu kata sandang khas (bestimmter Artikel), kata sandang umum (unbestimmter Artikel), kata ganti nama angka (bestimmtes Zahlpronomen), kata ganti nama diri (Personalpronomen), kata ganti nama refleksi (Reflexivpronomen), kata ganti nama relatif (Relativpronomen), kata ganti nama milik (Possessivpronomen), kata ganti nama tunjuk (Demonstrativpronomen), kata ganti nama umum (Indefinitpronomen) dan kata ganti nama tanya (Interrogativpronomen). Dengan ada kategori leksis *die Fünf-Wortarten-Lehre* ini, leksis Bahasa Jerman dapat dikategorikan ke dalam kategori masing-masing tanpa menimbulkan kekeliruan kepada pengguna Bahasa Jerman, misalnya

- i. *er zeichnet schön.* (he draws well.)
- ii. *er sieht ein schönes Haus.* (he sees a nice house.)

- iii. *sie ist schön*. (she is pretty.)

Daripada dua ayat di atas, leksis yang sama iaitu *schön* dikategorikan dalam kategori yang berlainan dengan jelasnya mengikut *die Fiinf-Wortarten-Lehre* ini. Dalam ayat i, *schön* merupakan adverb, *schön* dalam ayat ii merupakan atribut manakala *schön* dalam ayat iii merupakan kata adjektif.

2.7 Pembentukan Leksis

Secara umumnya leksis dapat dibahagikan kepada leksis selapis dan leksis kompleks. Leksis selapis bermakna leksis itu tidak dapat dipecahkan dan dijadikan unit yang lebih kecil lagi untuk dianalisis, contohnya **Haus** (rumah), **Baum** (pokok), **Ei** (telur) manakala leksis kompleks pula mengandungi unit yang lebih kecil dan boleh dipecahkan untuk tujuan analisis, misalnya **Haustür** (pintu rumah), **Zeichnung** (lukisan), dan **Sterblichkeit** (mortality), di mana **Haustür** dapat dibahagikan kepada unit yang lebih kecil iaitu kata dasar dengan kata dasar: **Haus + Tür**; kata dasar dengan *suffix*: **Zeichnung** kepada **Zeichn + ung** dan **Sterblichkeit** kepada **Sterb + lich + keit**, iaitu kata dasar dengan *suffix+suffix*. Kebanyakan leksis mempunyai lebih daripada satu bentuk infleksinya dan hanya sekumpulan kecil daripada leksis dalam Bahasa Jerman tidak mempunyai bentuk infleksinya contohnya leksis **die Milch**. Leksis **Milch** (susu) ini tidak mempunyai bentuk infleksinya kerana ia merupakan kata nama yang tidak dapat dikira. Akan tetapi kebanyakkan leksis mempunyai sekurang-kurangnya satu bentuk infleksi, misalnya leksis **Junge** (budak lelaki) ada satu bentuk infleksi, iaitu **Jungen**; leksis **Mutter** (ibu) mempunyai dua bentuk infleksi, iaitu **Mütter, Müttern**; leksis **Tag** (hari) mempunyai tiga bentuk infleksi, iaitu **Tage, Tages** dan **Tagen** manakala kata kerja mempunyai bentuk infleksi yang paling banyak sekali. Contohnya kata kerja **machen** (membuat) mempunyai lapan bentuk infleksi, iaitu **mache, machst, macht, machte, machtest, machten, machtet, gemacht** (Russ, C.V.J. 1994).

2.7.1 Jenis-jenis Pembentukan Leksis

Leksis baru bahasa Jerman dibentuk dengan menggunakan dua kaedah yang utama, iaitu kaedah pemajmukan dan kaedah terbitan. Selain itu, leksis baru bahasa Jerman turut dibentuk melalui kaedah clipping dan kaedah *affix* pinjaman

2.7.1.1 Kaedah Pemajmukan

Dengan melalui kaedah pemajmukan, leksis baru yang dibentuk mengandungi lebih daripada satu kata dasar. Kaedah pemajmukan ini dapat dibahagikan kepada empat jenis mengikut Naumann (1986) , iaitu:

i. endocentric

Leksis hasil kaedah pemajmukan *endocentric* mengandungi *head* dan *modifier*. *Head* akan menentukan makna keseluruhan leksis tersebut dan mendukung makna yang lebih umum manakala *modifier* akan membataskan makna *head* dalam leksis hasil pembentukan kaedah pemajmukan. Misalnya dalam leksis **Haustür** (pintu rumah), **Haus** (rumah) merupakan *modifier* dan **Tür** (pintu) merupakan *head*. leksis **Haus** akan membataskan makna **Tür** yang mengandungi makna yang lebih umum misalnya **Tür** boleh menjadi **Autotür** (pintu kereta), **Kellertür** (pintu tingkat bawah tanah), **Toilettentür** (pintu tandas), **Glastür** (pintu kaca) dan lain-lain lagi. Dan kedua-dua leksi yang dimajmukkan biasanya berasal daripada kategori yang sama, misalnya **Haus** merupakan kata nama dan **Tür** juga merupakan kata nama.

ii. exocentric

Leksis hasil kaedah pemajmukan *exocentric* berbeza dengan *endocentric*, di mana ia tidak mempunyai *head* .Oleh itu adalah sukar untuk meneka makna sesuatu leksis hasil kaedah pemajmukan *exocentric*. Contohnya **Wendehals** yang

bermakna ***snake-bird***. Leksis ini dibentuk oleh dua leksis, iaitu ***Wende*** (pusing) dan ***Hals*** (leher). Jika kedua-dua leksis ini dimajmukan dan menjadi ***Wendehals***, adalah sukar untuk meneka maksud leksis ini berdasarkan leksi yang dimajmukan, yakni ***Wende*** dan ***Hals***. Dengan ini dikatakan leksis hasil pembentukan kaedah jenis ini tidak mempunyai ***head*** yang mendasari makna sesebuah leksis.

iii. copulative

Berbeza dengan kaedah *exocentric*, leksis yang digabungkan mempunyai dua heads. Kedua-dua leksis ini memaparkan dua makna yang tersendiri dan digabungkan untuk membentuk satu leksis yang baru. Misalnya *Schleswig-Holstein*, di mana kedua-dua leksis *Schleswig* dan *Holstein* mempunyai darjat yang sama.

iv. co-ordinating

Kedua-dua leksis yang digunakan untuk menghasilkan leksis baru hasil pembentukan kaedah pemajmukkan *co-ordinating* ini mempunyai keberatan yang sama dan berasal daripada medan makna yang sama. Contohnya leksis ***Stadtstaat*** (city-state). Leksis ini terdiri daripada ***Stadt*** (city/ bandar) dan ***Staat*** (state/ negeri) dan kedua - dua leksis ini berasal daripada medan makna yang sama dan mempunyai taraf yang sama.

Menurut Russ (1994), leksis baru dapat dibentuk dengan gabungan:

- i. kata nama + kata nama = ***das Auto + der Schlüssel = der Autoschlüssel*** (kunci kereta)
- ii. kata sendi + kata nama = ***groß + die Stadt = die Großstadt*** (bandar besar)
- iii. numeral + kata nama = ***drei + Rad = das Dreirad*** (basikal beroda tiga)

- iv. adverb + kata nama = ***innen* + *die Kurve*** = ***Innenkurve*** (lengkungan dalaman)
- v. kata ganti nama diri + kata nama = ***ich* + *Form*** = ***Ichform*** (bentuk saya)
- vi. kata kerja + kata nama = ***braten* + *die Pfanne*** = ***die Bratpfanne*** (kuali)
- vii. kata nama + kata sendi = ***Kilometer* + *weit*** = ***kilometerbreit* *kilometer*** (jauh/lebar)
- viii. kata kerja + kata kerja = ***trennen* + *schleifen*** = ***trennschleifen*** (pemotong)

2.7.1.2 Kaedah Terbitan

Kaedah terbitan digunakan untuk menjanakan lebih banyak leksis supaya dapat menampung kehendak pengguna bahasa. Kaedah terbitan ini akan mengubah kategori leksis apabila menerbitkan sebuah leksi baru, misalnya kata adjektif ***happy***. Leksis baru dapat dijanakan daripada leksis ***happy*** ini hanya dengan menambah imbuhan akhiran ***-ness***. Dengan itu leksis baru telah dicipta. Akan tetapi leksis baru yang dicipta ini bukan lagi leksis daripada kategori kata adjektif lagi seperti kata adjektif ***happy***. ***Happiness*** kini merupakan kata nama dan digolong ke dalam kategori kata nama. Kaedah terbitan akan menukar kategori leksis:

- i. **daripada kata adjektif kepada kata nama**—Contohnya kata sendi ***pünktlich*** (tepat pada waktunya). Imbuhan akhiran ***-keit*** ditambahkan ke atas leksis ini, maka sebuah leksis baru telah diwujudkan dan pada masa yang sama terdapat perubahan kategori leksis, iaitu daripada kata sendi ke kata nama — ***Pünktlichkeit*** (hal tepat pada waktunya).
- ii. **daripada kata adjektif kepada kata kerja**—contohnya kata adjektif ***schwarz*** (hitam) ditambah akhiran ***-en*** untuk menjadikannya ***schwärzen*** (menghitamkan). ***schwärzen*** ini merupakan kata kerja dan bukan lagi kata adjektif
- iii. **daripada kata nama kepada kata adjektif**—contohnya kata nama ***Dank*** (ucapan terima kasih yang tidak terhingga) boleh dijadikan kata adjektif

dengan menambah dengan imbuhan akhiran *-bar*. Dengan itu kata adjektif baru *dankbar* (bersyukur) telah dibentuk.

- iv. **daripada kata nama kepada kata kerja**—contohnya kata nama *Text* (teks) boleh dijadikan kata kerja dengan menambahkan imbuhan akhiran *-en*. Oleh itu kata kerja baru *texten* (menulis teks) yang diterbitkan daripada kata nama *Text* telah dibentuk.
- v. **daripada kata kerja kepada kata adjektif** – contohnya kata kerja *essen* (makan) dapat ditukar dan menjadikannya kata adjektif dengan menambahkan imbuhan akhiran *-bar*. Dengan itu, leksis baru hasil kaedah terbitan telah diwujudkan, iaitu *essbar* (boleh dimakan).
- vi. **daripada kata kerja kepada kata nama** – contohnya kata kerja *arbeiten* (bekerja) boleh dijadikan kata nama dengan membuang imbuhan akhiran *-en*. Oleh itu leksis kata nama baru dibentuk, iaitu *Arbeit* (kerja). Oleh kerana *Arbeit* merupakan kata nama, huruf pertama leksis ini mesti ditulis dalam huruf besar.

2.7.1.3 Kaedah-kaedah Minor

Selain kaedah pemajmukan dan kaedah terbitan, leksis bahasa Jerman turut dibentuk dengan menggunakan kaedah seperti kaedah Clipping dan penambahan imbuhan pinjaman.

2.7.1.3.1 Kaedah Clipping

Leksis yang baru, mudah dan pendek dapat dibentuk dengan menggunakan kaedah Clipping.

Menurut Marchand (1969), Clipping bermakna:

clipping is the word formation process which consists in the reduction of a word to one of its parts. (Marchand 1969)

Leksis hasil pembentukan Clipping ini dinamakan *Kurzwörter* dalam Bahasa Jerman dan dalam Bahasa Inggeris Clipping turut dikenali sebagai *truncation* atau *shortening*, iaitu pemendekkan. Leksis baru ini dibentuk dengan mengambil komponen sesebuah leksis. Kaedah Clipping ini dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu:

i. **Back clipping**

Kaedah pembentukan *clipping* yang paling biasa dijumpai adalah *back clipping* atau *apocopation*, di mana hanya komponen depan dikekalkan. Misalnya **Akku** daripada leksis **Akkumulator** (akumulator), leksis **Demo** daripada leksis **Demonstration** (tunjuk perasaan), leksis **Disco** daripada leksis **Discothek** (disko), leksis **Krimi** daripada leksis **Kriminalroman** (novel jenayah), leksis **Uni** daripada leksis **Universität** (universiti). **Akku**, **Demo**, **Disco**, **Krimi**, dan **Uni** dinamakan leksis depan (headwords dalam bahasa Inggeris / Kopfwörter dalam bahasa Jerman) manakala **mulator**, **nstration**, **thek**, **nalroman** dan **versität** merupakan leksis belakang (tailwords dalam bahasa Inggeris/ Schwanzwörter dalam Bahasa Jerman).

ii. **Fore-clipping**

Kaedah *fore-clipping* atau diberi nama *aphaeresis* ini mengekalkan pula komponen belakang atau akhir .Contohnya **phone** daripada leksis **telephone** (telefon), **varsity** daripada leksis **university** (universiti), **chute** daripada leksis **parachute** (payung terjun), **coon** daripada **raccoon** (rakun), **gator** daripada **alligator** (aligator), **pike** daripada leksis **turnpike** (tol).

iii. **Middle clipping**

Komponen tengah dikekalkan untuk pembentukan leksis baru ini dibuat melalui kaedah *middle clipping* atau dinamakan *syncope*. Leksis hasil pembentukan

kaedah ini adalah seperti *flu* daripada leksis *influenza* (selesma), *tec* daripada leksis *detective* (detektif), *polly* daripada *apollinaris*, *jams* daripada leksis *pyjamas* (pakaian tidur), *shrink* daripada leksis *head-shrinker*.

2.7.1.3.2 Imbuhan Pinjaman

Imbuhan atau dinamakan affix dalam Bahasa Inggeris ditambah kepada kata dasar untuk tujuan pembentukkan leksis. Bahasa Jerman ada meminjam imbuhan awalan dan akhiran daripada bahasa lain. Menurut Russ (1984, 1986), Bahasa Jerman meminjam imbuhan akhiran *-ei* misalnya leksis *Bäckerei* (kedai roti) daripada Bahasa Perancis dan imbuhan *akhiran -al* misalnya leksis *Horizontal* (mendatar) daripada Bahasa Latin untuk memperkayakan leksis Bahasa Jerman. Selain daripada Bahasa Perancis dan Bahasa Latin, leksis-leksis Bahasa Jerman turut meminjam daripada Bahasa Inggeris, misalnya

- i. **imbuhan awalan *Ex-*** – Imbuhan awalan *Ex-* ini ditambah kepada kata nama bahasa Jerman untuk mengatasi masalah kekurangan leksis dalam bahasa Jerman. Selain itu imbuhan awalan *Ex-* ini turut ditambah kepada leksis bahasa Inggeris dan dipinjam ke dalam bahasa Jerman untuk dijadikan leksis pinjaman kerana tidak terdapat leksis bahasa Jerman yang dapat mendukung makna tersebut. Contohnya *Ex-Minister* (bekas menteri) , *Ex-Kolonie* (bekas penjajah) , *Ex-Gatte* (bekas suami) dan *Ex-DDR* (bekas Jerman timur).
- ii. **imbuhan awalan *Super-/ super*** – Imbuhan awalan *Super-/super-* ini ditambah kepada kata nama, misalnya *Superspion* (pengintip yang hebat), *Superpreis* (harga yang hebat), *Superauto* (kereta yang hebat) dan kata

adjektif, misalnya ***superreich*** (sangat kaya), ***superbillig*** (sangat murah), ***superfleißig*** (sangat rajin).

2.8 Kesimpulan

Dalam Bad Dua ini, segala maklumat yang lebih terperinci berkenaan kajian ini, seperti maklumat mengenai Bahasa Jerman, Bahasa Inggeris, Denglisch, Globalisasi, surat khabar di negara Jerman, leksis dan pembentukkan leksis dipaparkan untuk pemahaman para pembaca.